Jilid I
Bil. 45

Hari Jumaat
11hb Julai, 1975

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

## DEWAN RAKYAT

*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

## PARLIMEN KEEMPAT

*Fourth Parliament*

## PENGGAL PERTAMA

*First Session*

## KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 5125]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 5175]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Bil Perbendaharaan (Tempatan) (Pindaan) [Ruangan 5175]**

**Rang Undang-undang Kumpulanwang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) [Ruangan 5179]**

**Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) [Ruangan 5183]**

**Rang Undang-undang Matawang Malaysia (Ringgit) [Ruangan 5201]**

**Rang Undang-undang Lembaga Tembakau Negara (Perbadanan) (Pindaan) [Ruangan 5208]**

**Rang Undang-undang Penstabilan Harga Getah [Ruangan 5216]**

**UCAPAN TANGGUHAN:**

**Rumahpangsa di Bandaraya Kuala Lumpur—Kekurangan [Ruangan 5228]**

MALAYSIA

# DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

*Penyata Rasmi Parlimen*

## PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Jumaat, 11hb Julai, 1975

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

YANG HADIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Sri Gading).

Yang Berhormat Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., S.P.D.K., Datuk Sri Paduka Raja (Nilam Puri).

" Menteri Perdagangan dan Perindastrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).

" Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).

" Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K., S.I.M.P. (Lipis).

" Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).

" Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

" Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.O.K., A.D.K. (Tenggaroh).

" Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).

" Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).

" Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).

" Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD, J.M.N. (Jerantut).

" Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).

" Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).

" Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).

" Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

" Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).

„ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, S.D.K. (Kota Setar).

„ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).

„ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).

„ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).

„ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknoloji dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).

„ TUAN (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).

„ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).

„ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).

„ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).

„ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).

„ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).

„ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).

„ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D., A.D.K. (Kinabatangan).

„ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).

„ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).

„ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).

„ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).

„ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).

„ DR CHEN MAN HIN (Seremban).

„ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).

„ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).

„ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).

„ PUAN CHOW POH KHENG (ROSEMARY CHONG) (Selayang).

„ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).

Yang Berhormat TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
„ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
„ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
„ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
„ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
„ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
„ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
„ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
„ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
„ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
„ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
„ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
„ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
„ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
„ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
„ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
„ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
„ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
„ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
„ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
„ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
„ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
„ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
„ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
„ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
„ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
„ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
„ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
„ TUAN LUHAT WAN (Baram).
„ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
„ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
„ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
„ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
„ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
„ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
„ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
„ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
„ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
„ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
„ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

„ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).

„ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).

„ TUAN OH KENG SENG (Petaling).

„ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).

„ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).

„ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).

„ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).

„ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).

„ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).

„ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).

„ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).

„ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).

„ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).

„ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).

„ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).

„ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

„ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).

„ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).

„ TUAN SU LIANG YU (Bruas).

„ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).

„ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).

„ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).

„ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).

„ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

„ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).

„ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).

„ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).

„ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).

„ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).

„ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

## YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).

Yang Berhormat Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K., Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Teknoloji dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

„ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

„ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).

„ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).

„ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindastrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).

„ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).

„ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).

„ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).

„ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).

„ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).

„ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).

„ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).

„ DR LIM CHONG EU (Tanjong).

„ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).

„ DATUK ENGKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).

„ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).

„ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).

„ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).

„ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).

„ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).

„ TENGKU TAN SRI RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

„ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).

„ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).

„ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).

„ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).

## YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID, A.S.D.K., A.M.N. (Dilantik).

# DEWAN RAKYAT

## PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

## BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

*Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.
Louis Yeoh Sim Ngoh.
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.
Rani bin Rahim.
Suhor bin Husin.
Jamaludin bin Haji Ali.
Amran bin Ahmad.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.
Margaret Chye Kim Lian.
Quah Mei Lan.
Puan Kong Yooi Thong.
Juliah binti Awam.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Hassan.

## BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

# DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

# JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

## IKAN LAUT BERKURANGAN

**1. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

(*a*) samada Kerajaan sedar bahawa ikan di laut kita semakin berkurangan dan di masa hadapan setelah minyak dikeluarkan dari dasar laut, ikan di laut kita akan lebih berkurangan lagi; dan

(*b*) apakah langkah segera dan langkah jangka panjang bagi mengatasi masaalah kesulitan kaum nelayan akibat dari kejadian ini.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim):** Tuan Yang di-Pertua,

(*a*) Kerajaan sedar tentang sumber ikan yang semakin berkurangan di perairan negara kita akibat daripada pengusahaan sumber ikan yang keterlaluan. Perkara ini berlaku khususnya di perairan-perairan tradisional kepada nelayan-nelayan sekarang. Kesan-kesan kecemaran air akibat daripada kegiatan perusahaan minyak, jikalau dan apabila berlaku, sudah tentu akan merosakkan sekiranya operasi tersebut tidak dikawal. Kesan-kesannya terhadap sumber-sumber laut sedang dikaji oleh Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar dengan kerjasama Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar dan langkah-langkah sewajar akan diambil bagi mengurangkan sebarang kesan-kesan kecemaran tersebut ke atas sumber-sumber ikan laut.

(*b*) Langkah-langkah segera yang diambil oleh Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar bagi mengatasi masaalah kesulitan nelayan akibat kekurangan sumber ikan laut ialah:

(i) Mengurangkan jumlah lesen-lesen menangkap ikan, terutama pukat tunda bagi menentukan supaya sumber ikan tidak diusahakan secara keterlaluan.

(ii) Menggalakkan nelayan-nelayan menangkap ikan di luar kawasan menangkap ikan tradisional mereka itu; dan

(iii) Memberi bantuan di bawah sekim subsidi kepada nelayan-nelayan yang berkelayakan untuk mengubah cara dan alat penangkapan ikan mereka.

Sementara langkah-langkah jangka panjang pula ialah:

(i) Mengadakan rancangan pemulihan semula nelayan supaya nelayan-nelayan yang dianggap berlebihan dalam perusahaan perikanan dipindahkan ke rancangan tanah yang diusahakan oleh Ajensi-ajensi Kerajaan seperti FELDA dan FELCRA. Cadangan-cadangan juga telah dibuat supaya nelayan-nelayan dapat menambah pendapatan mereka melalui kerja-kerja sambilan seperti menternak ayam, itek, ikan dan kerja tangan;

(ii) Mengadakan rancangan-rancangan usaha bersama dengan Syarikat/Kerajaan asing bagi menangkap ikan di lautan dalam dengan mengambil nelayan-nelayan tempatan sebagai pekerja-pekerjanya;

(iii) Dengan adanya rancangan-rancangan penangkapan ikan secara besar-besaran tadi, perusahaan-perusahaan yang berkaitan juga akan wujud di mana nelayan-nelayan yang berlebihan itu boleh mendapat pekerjaan;

(iv) Mengadakan rancangan-rancangan menternak ikan air payau secara commercial;

(v) Membaiki sistem pemasaran ikan supaya nelayan-nelayan mendapat harga yang berpatutan; dan

(vi) Mengadakan bantuan kewangan dan kepakaran bagi mengujudkan pembangunan social dan ekonomi di kalangan masyarakat nelayan pantai.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa rancangan untuk mengurangkan lesen menangkap ikan dan memindahkan nelayan ke rancangan-rancangan tanah ini bukan bererti merancang untuk mengekalkan pengeluaran ikan dalam negara kita, sedangkan keperluan negara kita untuk hal yang tersebut tetap seperti biasa, malahan di masa yang akan datang akan berlebihan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri ada merancang supaya pengeluaran ikan tetap seperti biasa walaupun keadaan-keadaan yang mendesak di masa yang akan datang dengan cara-cara yang lebih berkesan, samada dengan menambahkan lagi pemeliharaan ikan laut ataupun mengadakan satu rancangan hendak memelihara ikan laut dan juga ikan yang berhampiran dengan laut?

**Tuan Mokhtar bin Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada tujuan kita untuk mengurangkan lesen dan memindahkan nelayan-nelayan untuk menyertai rancangan-rancangan yang lain adalah dengan maksud supaya competition ataupun saingan untuk menangkap bilangan ikan yang ada sekarang ini tidak menjadi begitu tinggi, dan ini akan memberi masa bagi anak-anak ikan terutamanya untuk biak supaya kadar pembiakan itu adalah lebih cepat daripada tangkapan yang dibuat oleh nelayan-nelayan yang sekarang ini bilangannya sangatlah banyak kalau hendak dibandingkan dengan sumber-sumber yang ada itu. Melainkan seperti yang saya sebutkan tadi, jikalau tangkapan kita ini kita luaskan kepada perairan yang lain daripada kawasan-kawasan yang ada sekarang ini. Tidaklah bermakna bahawa langkah mengurangkan lesen-lesen dan pemindahan nelayan-nelayan ini tidak mencapai matlamat kita bagi mengekalkan, kalau tidak pun memberi masa bagi ikan-ikan yang ada sekarang ini lagi membiak.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Adakah penyelesaian antara Kementerian ataupun rancangan Kementerian sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan Lembaga MAJUIKAN, kerana mengikut apa yang saya tahu Lembaga MAJUIKAN, merancang untuk mengeluarkan ikan yang banyak, sedangkan kita tahu di lautan kita ada minyak di mana di masa akan datang akan menjadi masaalah kepada penghidupan ikan. Kita buat rancangan untuk membanyakkan ikan, sedangkan ikan semakin tidak ada, jadi bagaimana cara penyelarasan itu?

**Tuan Mokhtar bin Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, ini bukan soal penyelarasan sahaja kerana MAJUIKAN juga adalah di bawah Kementerian ini. Jadi sebarang rancangan yang dibuat sentiasa dilaksanakan melalui perbincangan-perbincangan di kalangan semua jabatan yang berkaitan di bawah Kementerian ini dan juga dengan jabatan-jabatan di dalam Kementerian yang lain. Salah satu daripada matlamat MAJUIKAN umpamanya, sekarang ini adalah untuk meluaskan lagi kawasan tangkapan ikan seperti yang saya katakan tadi tangkapan ke kawasan laut yang dalam. Perkara seperti ini telahpun kita cuba bagi permulaannya di negeri Sarawak baru-baru ini.

**Tuan Lukman bin Abdul Kadir:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kementerian yang berkenaan bercadang hendak memberi kemudahan bagi mendapat lesen-lesen bagi pukat-pukat tunda yang besar yang boleh menangkap ikan di laut dalam yang lebih daripada 12 batu ke atas.

**Tuan Mokhtar bin Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat, kebetulannya menjadi tujuan Kementerian ini iaitu bagi menggalakkan segala usaha yang akan membawa kepada wujudnya suatu golongan nelayan yang akan pergi menangkap ikan lebih jauh lagi daripada kawasan perairan yang ada sekarang ini. Dan memandangkan perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah serupa dengan tujuan kita langkah-langkah seperti yang ditimbulkan tadi akan dipertimbangkan dalam usaha-usaha kita kelak.

**Tuan Lukman bin Abdul Kadir:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah pihak Kementerian berkenaan bersedia memberi kemudahan kepada kaum nelayan di dalam negeri ini untuk mendapatkan kebenaran membeli motobot-motobot yang besar yang menggunakan 180 horse power misalnya bagi kemudahan menangkap ikan di dalam negeri ini.

**Tuan Mokhtar bin Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah soalan yang specific tentang saiz bot dan sebagainya, jadi ini boleh dipertimbangkan, dan kalau tidak pun kita belum lagi usahakan.

## PENGKALAN TENTERA ASING

2. **Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

(*a*) bilangan pengkalan tentera negara asing yang terdapat di negara kita dan bilangan tentera negara asing yang bertugas di Malaysia;

(*b*) samada Kerajaan akan meminta pengkalan-pengkalan tersebut di undur dari negara kita; dan

(*c*) samada Kerajaan akan membatalkan Perjanjian Pertahanan Lima Negara.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid):** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara-perkara yang terkandung dalam soalan ini telahpun dibangkitkan dan dijawab di Dewan ini dahulu dan saya tidak ada apa-apa untuk ditambah melainkan menjemput Ahli Yang Berhormat itu merujuk kepada Penyata-penyata Rasmi Dewan ini bertarikh 4 dan 11 Disember, 1972 dan 31 Januari, 1973.

**Tuan Chian Heng Kai:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan beritahu Perjanjian Pertahanan Lima Negara ini untuk mencegah musuh dari pihak mana, adakah dari Republik Rakyat China, Amerika Syarikat, Russia atau Indonesia?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan itu tidak ada kaitan langsung, kerana Yang Berhormat Menteri telah jawab dahulu pada 4hb dan 11hb Disember, 1972. Sila rujuk balik perkara itu dalam *Hansard*. Jadi tidak timbul apa-apa daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri itu.

## PENYAKIT JANTUNG (CORONARY CARE UNITS)

3. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar kekurangan yunit-yunit perawatan sakit jantung (coronary care units) di hospital-hospital telah menyebabkan kematian di dalam berapa kes sakit jantung yang sebaliknya mungkin boleh diselamatkan sekiranya ada wad-wad atau yunit-yunit khas bagi perawatan sakit jantung, dan nyatakan samada terdapat apa-apa rancangan untuk menubuhkan yunit-yunit perawatan sakit jantung di hospital-hospital yang wujud sekarang untuk merawat dan menyelamatkan kes-kes sakit jantung yang banyaknya terdiri daripada orang-orang yang berada di dalam puncak kehidupan dan mereka adalah rakyat yang bernilai dan prodaktif.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa adalah di antara kematian-kematian yang disebabkan oleh penyakit jantung sekarang dapat dikurangkan jika pesakit-pesakit itu dimasukkan dengan segera ke Yunit Perawatan Sakit Jantung. Beberapa Hospital telah pun mempunyai Pakar-pakar Perubatan dan kemudahan-kemudahan bagi rawatan 'intensive' untuk pesakit seumpama itu, dan dalam Rancangan Malaysia Ketiga, telah ada cadangan untuk memperluaskan lagi kemudahan-kemudahan tersebut. Bagaimanapun, pihak perseorangan juga, lebih-lebih lagi mereka yang berada dan berpelajaran, hendaklah berwaspada dan mengambil berat menjaga kesihatan mereka sendiri dan menjalankan pemeriksaan kesihatan mereka dari semasa ke semasa.

**Dr Chen Man Hin:** Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar sakit jantung ini telah menyerang orang muda yang berumur antara 20-30 tahun, bukan sahaja orang yang berumur 40 tahun lebih, dan orang muda ialah orang yang prodaktif dalam lapangan ekonomi kita, oleh sebab itu, saya rasa sangat dukacita kerana di kebanyakan hospital terutama sekali di Hospital Besar di Seremban dan juga lain-lain tempat tidak ada coronary (heart) care units. Apa sebabnya?

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat sendiri sebagai seorang doktor perubatan, maka bolehlah jawab perkara ini. Oleh kerana kekurangan-pakar-pakar kita dan juga oleh kerana rakyat kita telah bertambah, penyakit jantung ini menjadikan satu penyakit yang dihadapi oleh tiap-tiap negara seperti Negara Malaysia ini yang mempunyai makanan yang cukup. Kebanyakan orang kita yang sebenarnya adalah lebih makan yang mana ini boleh menimbulkan penyakit dan menyebabkan mati cepat seperti sakit jantung.

Sebagai seorang doktor perubatan dan juga kepada sesiapa juga kita harapkan supaya memeriksa kesihatannya bersendirian dengan doktor-doktor yang mahir. Inilah satu langkah untuk mengurangkan orang-orang kita yang sakit jantung yang telah berlaku di negeri ini. Apa yang dijawabkan oleh saya ini tadi dalam Rancangan Malaysia Yang Ketiga kita akan memperluaskan (lagi coronary (heart) care yunit ditubuhkan di hospital-hospital besar di negara kita, jika bilangan pakar-pakar kita mencukupi dan juga kakitangan-kakitangan yang membantu pakar-pakar yang terlatih itu mencukupi.

**Dr Chen Man Hin:** Yang Berhormat Menteri ada berkata disebabkan kekurangan doktor-doktor pakar maka tidak ada coronary (heart) care units di hospital kita, tetapi saya rasa bukan kekurangan doktor pakar, doktor biasa pun boleh menguasai coronary care unit ini dan tidak payah doktor pakar. Tetapi adakah Yang Berhormat Menteri tahu bahawa hospital-hospital tidak ada organisation yang baik dan cekap, sebab itulah kita tidak ada coronary (heart) care unit atau intensive care unit di Hospital Besar Seremban, Melaka dan di lain-lain tempat?

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini bukan boleh dijawab dalam masa yang pendek sahaja. Oleh kerana negara kita ini sedang membangun berbagai-bagai rancangan yang sedang berjalan dan dilaksanakan di bawah Kementerian Kesihatan ini. Seperti Hospital Besar, Kuala Lumpur misalnya ada satu coronary (heart) care unit yang baik dan katil-katil telah ditambah lebih banyak. Di Pulau Pinang dan di Johor Bahru pun ada unit itu. Baru-baru ini di Hospital Batu Pahat juga dengan jasa baik daripada orang ramai yang telah memberikan bantuan wang-ringgit untuk membeli alat-alat monitoring equipment untuk Hospital Batu Pahat. Jadi bukan tugas Kerajaan sahaja untuk melaksanakan unit-unit ini, maka Kerajaan akan mengalu-alukan orang-orang hartawan, orang-orang yang mampu, orang-orang yang kaya untuk membantu Kerajaan kita supaya memberi atau menderma monitoring equipment, coronary (heart) care units di hospital pada masa akan datang. Dan saya harap Ahli Yang Berhormat dari Seremban sebagai doktor yang berpendapatan lebih akan memberi satu sumbangan yang baik untuk menunjukkan satu contoh kepada orang lain pada masa akan datang.

**Dr Chen Man Hin:** Saya tidak berapa bersetuju dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri mengatakan ini sebenarnya bergantung kepada saya. Jawapan ini adalah tidak betul dan tidak adil. Adakah Yang Berhormat Menteri tahu di Hospital Seremban tidak ada organisation yang cekap, bukan di Seremban sahaja bahkan di Melaka juga. Orang-orang yang sakit apabila masuk ke hospital di sana apabila sudah baik, tetapi apabila convelescence pada masa itu pula kena penyakit lain seperti malaria. Ini menunjukkan organisation di Hospital Seremban dan di lain-lain hospital tidak cekap (inefficient). Oleh sebab itu, saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh pergi melawat Hospital Seremban dan menyiasat apakah sebabnya di sana tidak ada coronary (heart) care unit, dan adakah beliau tahu pada beberapa tahun yang lepas rakyat Seremban ada memberi sumbangan alat-alat untuk coronary (heart) care unit tetapi alat-alat ini sekarang sudah hilang atau tidak tahu ke mana perginya?

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di-Pertua, Hospital Besar, Seremban boleh dikatakan ialah sebuah hospital yang termoden dalam negara kita ini. Hospital ini telah didirikan pada tahun 1966/1967 dan juga semenjak saya mengambil alih sebagai Menteri Kesihatan, saya telah melawat hospital ini beberapa kali dengan membuat surprise check. Pada masa yang lalu hospital ini boleh dikatakan rasa saya tidak memuaskan oleh kerana tidak ada control dengan teratur, akan tetapi dengan arahan yang baru Hospital Besar, Seremban sekarang telah dijadikan sebuah hospital yang teratur dan yang bersih dan juga semua pesakit-pesakit dalam hospital itu dapat rawatan oleh doktor-doktor dengan mencukupi. Ahli Yang Berhormat ini sepatutnya hendaklah mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan yang ada dan janganlah membuat tuduhan begitu sahaja. Malangnya, Ahli Yang Berhormat itu dari Seremban sendiri dan sebuah Hospital telah didirikan di kawasan Ahli Yang Berhormat. Jikalau ada apa-apa kelemahan di situ tentu Ahli Yang Berhormat sebagai seorang Wakil Rakyat akan membantu dan menolong Kerajaan, dengan memberikan apa-apa butir kelemahan

kepada Menteri, akan tetapi malangnya sehingga sekarang ini saya tidak ada terima sepucuk surat pun daripada beliau. (*Ketawa*).

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Menteri sedar bahawa bangunan hospital-hospital yang moden sahaja tidak cukup, tidak guna sekiranya pentadbiran dan pimpinan Kementerian Kesihatan yang menjaga hospital itu tidak moden dan dinamis. Dan adakah beliau sedar bahawa selalunya apabila ada unit-unit dibina, seperti yang dikatakan oleh rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Seremban, apabila alat-alat didermakan kepada hospital itu semuanya telah hilang dan seperti di Melaka di mana ada dua intensive care unit yang sudah lama: satu care unit tidak boleh digunakan lagi oleh kerana tidak cukup kakitangan, organisation yang lemah, alat-alat yang kurang dan pentadbirannya tidak moden dan tidak cekap. Pula seperti disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri, satu unit baru telah ditubuhkan di Hospital Batu Pahat. Adakah beliau sedar bahawa sungguhpun orang-ramai ada membuat derma (contribution) bagi menubuhkan unit itu, Kementerian Kesihatan tidak menghantar doktor yang cukup dan supporting staff untuk membolehkan unit itu dijalankan dan memberi perkhidmatan kepada orang ramai. Apakah tindakan Yang Berhormat Menteri boleh ambil untuk menjamin bahawa semua unit-unit yang ada boleh digunakan dan bukan menjadi sesia sahaja?

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di-Pertua, semua hospital kita di negara ini boleh dikatakan telah bertambah moden, tetapi malangnya barangkali fikiran Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak berubah, (*Ketawa*) belum boleh mengikuti apakah fikiran moden terpaksa dilaksanakan. Semua hospital di negeri kita, samada hospital besar mahupun hospital daerah serta pusat kesihatan besar dan pusat kesihatan kecil telah dimodenkan. Memang benar ada alat-alat yang lama itu tidak digunakan, akan tetapi alat-alat yang lama itu kita akan mengambil masa untuk digantikan dengan alat-alat yang baru. Kita memerlukan wang-ringgit dan juga memerlukan orang-orang yang terlatih dan juga ada pengalaman yang mahir, dan ini memanglah telah dijalankan oleh Kementerian saya.

## BANJIR DI KUALA LUMPUR

**4. Dr Tan Chee Khoon** minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan apa langkah atau rancangan yang telah disediakan untuk mencegah air bah di Kuala Lumpur.

**Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui):** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya telah sebutkan di dalam Dewan ini, satu rancangan mencegah banjir yang lengkap bagi Kuala Lumpur telah disediakan oleh sebuah Jawatankuasa Mencegah Banjir di Kementerian Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi. Rancangan ini telah diluluskan oleh Kerajaan dan sedang dikaji dengan lebih mendalam dan teliti oleh jawatankuasa tersebut. Publisiti yang luas dalam akhbar mengenai rancangan ini telahpun diberi oleh Menteri yang berkenaan. Sebuah Jawatankuasa Teknikal telahpun ditubuhkan untuk menyediakan plan comprehensive bagi sistem pemaritan di Kuala Lumpur. Ini adalah sebahagian daripada rancangan mencegah banjir yang saya telah sebutkan.

Pihak Dewan Bandaraya bercadang hendak memperbaiki sistem pemaritan bagi sungai-sungai dan jalan-jalan yang berikut dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga:

(*a*) Sungai Berberas (Jalan Bungsar);

(*b*) Sungai Bunus By-Pass (Kampung Baru);

(*c*) Sungai Bunus Channel (Kampung Baru sampai Wardieburn Estate);

(*d*) Main Drain Air Panas (Air Panas Area);

(*e*) Sungai Anak Air Batu (University Mosque);

(*f*) Sungai Untut (Sentul Area);

(*g*) Sungai Keroh (Kepong dan Batu Area);

(*h*) Old Kuchai Lama; dan

(*i*) Jalan Kelang Lama.

Sebagai langkah sementara, Dewan Bandaraya adalah menempatkan pekerja-pekerja di tempat-tempat yang tertentu untuk membuang kekotoran atau halangan untuk menentukan aliran air semasa hujan lebat.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kita telah mendengar daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan yang menyatakan bahawa ada dua

jawatankuasa sedang mengkaji air bah di Kuala Lumpur. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar air bah di Kuala Lumpur bukan suatu masaalah yang timbul baru-baru ini. Beberapa kali di dalam Dewan ini, barangkali sudah sepuluh tahun, di dalam Dewan ini kita telah membangkitkan masaalah air bah, dan baru-baru ini Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telah menyebutkan ada dua jawatankuasa yang sedang mengkaji atas perkara ini. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan berapa lama lagi Kerajaan atau Dewan Bandaraya akan mengkaji masaalah ini dan bilakah kerja untuk mencegah dan kita harap menghapuskan air bah di Kuala Lumpur akan dijalankan?

**Tan Sri Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir saya telah jawab dalam jawapan yang diberikan oleh saya tadi. Jangka panjang dan jangka pendek rancangan telah disediakan dan Ahli Yang Berhormat, saya fikir pun sedar kita tidak dapat mengatasi masaalah ini kalau perbincangan diadakan di dalam Dewan ini sahaja. Tindakan yang mesti diambil ialah berkehendakkan wang yang banyak dan Kerajaan tidak boleh mengambil sebarang langkah yang tidak dapat mengatasi masaalah ini kerana itulah kita perlu mengkaji dahulu dengan lebih mendalam bagaimana masaalah ini boleh diatasi.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menyatakan ada rancangan jangka pendek dan rancangan long-term. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, adakah beliau sedar kalau ada sedikit hujan sahaja, maka Jalan Bungsar—bukan Jalan Bungsar tetapi penduduk-penduduk berkata itu Sungai Bungsar. Adakah apa-apa rancangan jangka pendek (short-term) untuk mengurangkan air bah di sana?

**Tan Sri Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Ahli Yang Berhormat sebagai seorang yang agak bijaksana sedar juga banjir di Kuala Lumpur ini puncanya datang daripada development yang telahpun dijalankan selama ini. Jadi sungguhpun kita telah mengambil langkah yang perlu untuk mengatasi masaalah ini, masaalah ini tidak akan boleh dikawalkan selagi development di dalam Kuala Lumpur berjalan terus.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan beliau telah menyebutkan barangkali beberapa buah sungai termasuk Sungai Keroh dan Sentul Area. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, adakah beliau sedar saya sendiri telah menulis beberapa surat kepada Dewan Bandaraya tentang air bah yang bangkit daripada Sungai Keroh dan di Sentul Area ini oleh kerana kedua-dua sungai dan tempat ini di dalam kawasan saya iaitu kawasan Kepong. Adakah rancangan jangka pendek yang akan diadakan untuk mengurangkan air bah yang terdiri daripada Sungai Keroh dan Sentul Area sebelum rancangan jangka panjang dikaji?

**Tan Sri Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini saya telah jawab tadi.

## PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

**5. Tuan Edmund Langgu anak Saga** minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan samada perlu mengubahsuai atau meminda Perlembagaan Persekutuan untuk membolehkan Kerajaan-kerajaan Negeri meminjam wang daripada punca-punca mereka sendiri untuk menjalankan projek-projek pembangunan dengan licin.

**Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof):** Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan Persekutuan tidak akan diubahsuai atau dipinda untuk tujuan tersebut kerana peruntukan di bawah perkara 111 dan 112 (*b*) yang ada sekarang ini adalah mencukupi bagi tujuan tersebut dalam soal ini.

## INDASTRI/AKTIVITI PERKILANGAN

**6. Dr Hee Tien Lai** minta Menteri Perdagangan dan Perindastrian menyatakan samada benar ada indastri-indastri yang akan dikecualikan daripada peruntukan yang terdapat dalam Akta Penyelarasan Perindastrian, 1975, sekiranya benar, bilakah pengecualian ini akan dilaksanakan.

**Menteri Perdagangan dan Perindastrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah):** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya telah terangkan di dalam masa

membentangkan Rang Undang-undang ini buat permulaannya indastri-indastri dan aktiviti-aktiviti perkilangan yang mempunyai pekerja-pekerja sepenuh masa yang kurang daripada 25 orang atau yang mempunyai modal pemegang saham (shares holders fund) yang kurang daripada $100,000 akan dikecualikan daripada peruntukan-peruntukan tersebut. Pengecualian ini akan dilaksanakan apabila Akta ini dikuatkuasakan tidak berapa lama lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini samada Akta Penyelarasan Perindastrian, 1975 ada mendapat sokongan sepenuhnya daripada Menteri-menteri Kabinet, termasuk Menteri-menteri daripada M.C.A.?

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Itu sudah tentu, Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak sudah tentu Undang-undang ini tidak diluluskan di Dewan Rakyat ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah Menteri menerima memorandum atau appeal, seruan-seruan daripada beberapa pertubuhan termasuk Dewan Perniagaan China untuk meminta penguatkuasaan Akta itu dilambatkan, dan bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu hasil selepas penerimaan representation daripada mereka?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan itu lain daripada yang asal.

## PERDAGANGAN DENGAN NEGARA-NEGARA ISLAM, ASIA BARAT

7. **Tuan Haji Ahmad bin Ithnin** minta Menteri Perdagangan dan Perindastrian menyatakan samada Kementerian beliau akan mengadakan lebih banyak lagi perjanjian-perjanjian Perdagangan dengan negara-negara Islam di Asia Barat dan apakah kejayaan yang telah diperolehi oleh Missi-missi Perdagangan kita yang dihantar ke seberang laut baru-baru ini.

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang Kementerian Perdagangan dan Perindastrian belum bercadang untuk mengadakan perjanjian perdagangan dengan negara-negara Islam di Asia Barat oleh kerana kebanyakan negara-negara itu mengamalkan sistem perdagangan bebas dan sekatan-sekatan tarif dan impot mereka tidak menjadi penghalang kepada ekspot ke negara-negara itu. Walau bagaimanapun, kajian sedang dibuat di atas kemungkinan mengadakan peraturan perdagangan dengan sebilangan negara-negara tersebut yang sedang mengamalkan sekatan-sekatan tarif atau bukan tarif (non-tariff) ke atas beberapa barang-barang tertentu yang boleh menjadi ekspot penting kepada Malaysia, terutama sekali barang-barang mentah seperti minyak, kelapa sawit dan kayu-kayan. Kerajaan telah menghantar dua rombongan ke Asia Barat baru-baru ini iaitu ke negeri Kawasan Teluk, Iran dalam bulan Oktober-November, 1974 dan ke Saudi Arabia, Jordan dan Iraq dan Libya dalam bulan April-Mei, 1975 Rombongan-rombongan perdagangan ini telah mencapai kejayaan yang memuaskan. Pasaran di negara Islam di Asia Barat adalah merupakan pasaran baru bagi Malaysia kerana di masa kebelakangan ini perdagangan Malaysia ke negara itu tersangatlah kecil. Lawatan rombongan perdagangan yang disebutkan tadi telah membolehkan ahli-ahli rombongan perdagangan Malaysia mengetahui dengan lebih dekat dan lebih mendalam keadaan pasaran, cara-cara perniagaan dan peraturan-peraturan Kerajaan dalam perdagangan di negara-negara tersebut. Sambil itu ahli-ahli perdagangan kita telah juga berjaya mengadakan perhubungan dengan ahli-ahli dan badan-badan perniagaan di negara-negara tersebut serta memperkenalkan barang-barang buatan Malaysia kepada mereka. Sungguhpun boleh dikatakan inilah kali pertama ahli-ahli perdagangan Malaysia mengadakan hubungan dengan negara-negara tersebut secara bersungguh-sungguh mereka telah dapat membuat jualan sebanyak $21 juta. Barang-barang yang telah dijual termasuklah barang-barang makanan seperti minyak makan, minyak sapi, barang-barang dalam tin kayu-kayan termasuk papan lapis, kain baju dan juga termasuk barang-barang lain. Jika ahli perniagaan kita mengambil langkah seterusnya mempereratkan lagi perhubungan yang mereka telah jalinkan di dalam masa lawatan tersebut, saya percaya perdagangan ke negara-negara itu akan bertambah lagi di masa hadapan ini.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar bahawa setelah kita mengadakan perundingan untuk mengadakan perdagangan dengan Asia Barat, masaalah yang paling besar ialah transport di mana kesulitannya kita boleh menghantar barang-barang kita, tetapi kita tak boleh membawa balik ke negeri kita selain daripada minyak. Tidakkah ini benar masaalahnya, dan kalau ini benar, apakah cara-cara ataupun jalan untuk mengatasi, yang telah dilakukan oleh Kementerian berkenaan.

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, ini memang benar. Kapal yang membawa barang-barang daripada negara kita untuk diekspot ke negara-negara yang berkenaan itu apabila balik didapati mungkin balik kosong. Jadi, perkara ini adalah sedang dikaji dengan mendalam bukan sahaja Kementerian, tetapi Kementerian-kementerian lain dan syarikat-syarikat perkapalan kita. Saya percaya selepas kajian dibuat masaalah ini akan dapat diatasi.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Soalan tambahan. Apa yang saya tahu dengan arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada sebuah kapal kita telah pergi ke Asia Barat sebagai satu langkah permulaan dan apakah kejayaannya di atas arahan itu?

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Memang benar selepas kajian dibuat satu keputusan telah diambil supaya menggunakan dua buah kapal MISC ataupun Syarikat Perkapalan kita sebagai percubaan. Mungkin kita menghadapi kerugian buat pertama kalinya, tetapi sebagaimana yang telah idterangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita perlu memulakan hubungan itu walaupun bagi permulaannya kita akan mungkin menderita kerugian. Setakat ini belum lagi saya mendapat lapuran di atas hasil percubaan kita buat pertama kali menghantar kapal MISC ke Timur Tengah.

## TATACARA UNTUK KEHARMONIAN PERUSAHAAN (CODE OF INDUSTRIAL HARMONY)

**8. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar bahawa Kanun Keharmonian Perindastrian yang tidak boleh dikuatkuasakan tidak boleh menyumbang dengan positifnya kepada perdamaian perusahaan dengan keadilan dan juga ia adalah satu dokumen yang kurang bernilai untuk mengawal amalan-amalan buruk majikan; dan nyatakan samada Kementerian beliau bercadang untuk menggantikan kanun tersebut dengan Kanun Amalan-amalan Perusahaan Baik (Code of Good Industrial Practices) yang dilulus oleh Parlimen selepas berunding dengan pihak majikan-majikan dan Kesatuan-kesatuan sekerja, dan yang boleh dikuatkuasakan di mahkamah undang-undang sekiranya seorang majikan enggan mematuhinya.

**Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua, pihak-pihak yang bertanggungjawab terhadap Tatacara Untuk Keharmonian Perusahaan, Majlis Pertubuhan Majikan-majikan Malaya sebagai wakil-wakil para majikan dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia sebagai wakil-wakil para-pekerja, adalah sedar bahawa Tatacara tersebut adalah satu dokumen yang mempunyai tujuan yang baik. Perlibatan kedua-dua pihak majikan dan pekerja terhadap peruntukan-peruntukannya ialah secara sukarela dan pematuhannya adalah secara moral sahaja. Oleh yang demikian, bukanlah menjadi tujuan pihak-pihak yang berkaitan supaya tatacara ini mempunyai Kuasa Undang-undang di sebaliknya. Walaupun terlalu awal untuk dinyatakan samada Tatacara tersebut telah mencapai tujuannya untuk menggalakkan dan memperbaiki keharmonian perusahaan, saya rasa sukacita bahawa minat yang ditunjukkan oleh para pekerja dan majikan dan Kesatuan Sekerja mereka terhadap Tatacara ini, dan sambutan mereka terhadap peruntukannya adalah menggalakkan. Ini memberi petanda baik di masa hadapan dan sungguhpun, sebagaimana yang dijangka terdapat beberapa aduan kerana tidak mematuhi peruntukan-peruntukannya, bukanlah tujuan samada pihak-pihak yang berkaitan ataupun Kementerian ini supaya tatacara ini dijadikan sebagai satu Undang-undang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu Jawatankuasa Penyeliaan, yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat ditubuhkan

untuk mengulangkaji kemajuan-kemajuan yang dicapai dalam perlaksanaan Tatacara ini dan untuk menimbangkan aduan-aduan kerana tidak mematuhi peruntukannya. Jawatankuasa ini terdiri dari wakil-wakil dari Majlis Pertubuhan Majikan-majikan Malaya dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia dan juga Pegawai-pegawai dari Kementerian saya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan ini sehingga perlaksanaan tatacara ini dijalankan, dalam pandangan Kementerian, apa kelemahan-kelemahan telah didapati mengenai perlaksanaan tatacara ini.

**Tuan S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, pada amnya pihak majikan dan pihak wakil-wakil pekerja menerima tatacara ini dengan baiknya, tetapi semua pertikaian belum dapat dielakkan.

## GURU-GURU MEMOHON BIASISWA LATIHAN PAKAR

**9. Tuan Lee Boon Peng** (*di bawah S.O. 24* (*2*)) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau akan memberi jaminan di Dewan ini yang surat-surat pekeliling menjemput guru-guru memohon biasiswa bagi latihan pakar telah dibawa kepengetahuan semua guru yang layak memohon dan perkara seperti pilih kasih tidak pula diamalkan di Jabatan Pelajaran terutamanya di negeri Pulau Pinang.

**Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad):** Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan Yang Berhormat dari Jelutong nampaknya tidak begitu jelas maksudnya. Tetapi sekiranya apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu ialah Kursus Tambahan satu tahun di Maktab Perguruan Ilmu Khas, Kuala Lumpur dalam matapelajaran-matapelajaran yang tertentu seperti Muzik, Pendidikan Seni, Pendidikan Jasmani, Ilmu Perpustakaan, Pendidikan, Kanak-kanak Buta, Pendidikan Kanak-kanak Pekak dan Sains Rumah Tangga, Kementerian Pelajaran mengedarkan surat-surat pekeliling kepada Pengarah-pengarah Pelajaran Negeri supaya memberi peluang kepada guru-guru yang memenuhi syarat-syarat yang diperlukan untuk memohon dalam borang-borang permohonan yang dikhaskan.

Calun-calun yang layak akan ditemuduga dan pemilihan akan dibuat berdasarkan kebolehan, minat dan bakat yang ditunjukkan oleh calun di dalam lapangan yang dipohonnya itu. Bilangan calun yang dipilih adalah mengikut kekosongan tempat yang ada bagi tiap-tiap satu matapelajaran. Jadi dalam hal ini jelaslah soal pilih kasih adalah tidak timbul kerana calun-calun yang dipilih adalah dikehendaki melalui satu temuduga khas yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran dan bukan oleh Jabatan Pelajaran Negeri.

## PENCEMARAN UDARA (AIR POLLUTION)

**10. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan samada beliau sedar tentang pengotoran udara yang serious di Kuala Lumpur yang disebabkan oleh kereta-kereta yang mengeluarkan asap berwarna hitam dari paip exhaust mereka; jika ya, nyatakan langkah-langkah yang beliau bercadang mengambil untuk mengatasi masaalah ini demi kepentingan kesihatan umum.

**Tan Sri Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, ya. Saya sedar tentang masaalah pencemaran udara yang semakin bertambah di Kuala Lumpur akibat daripada pelepasan asap daripada kenderaan bermotor. Dalam hubungan ini Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya sedang bekerjasama dengan Jabatan Pengangkutan Jalan dan juga Jabatan Polis untuk mengadakan suatu rancangan yang comprehensive untuk mengawal pelepasan-pelepasan asap. Walau bagaimanapun perlaksanaan rancangan ini sebahagian besarnya bergantung kepada alat-alat kelengkapan, terutamanya meter asap yang bernama hartridge yang sedang kita tempah daripada luar negeri.

**Tuan Lee Lam Thye:** Soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menyatakan bilakah alat-alat kelengkapan meter asap hartridge ini dapat di pesan untuk mencegah pencemaran udara?

**Tan Sri Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, saya harap ianya dapat dengan secepat mungkin.

## DAKYAH KOMINIS

11. **Tuan Haji Zakaria bin Ismail** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada benar bahawa dakyah-dakyah kominis telah mempergunakan unsur-unsur ugama Islam untuk mempengaruhi orang-orang Islam khususnya, dan jika ya, apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan mengenai perkara ini.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tuan Yang di-Pertua, adalah benar unsur-unsur ugama Islam telah digunakan dalam dakyah-dakyah kominis bagi mendapatkan sokongan rakyat khasnya orang-orang Melayu. Di antara langkah-langkah yang telah, sedang dan akan dijalankan oleh Kerajaan termasuk mengadakan majlis dailog dan penerangan ugama oleh tokoh-tokoh ugama kepada orang-orang tempatan di Masjid atau surau atau tempat-tempat yang bertujuan memadamkan dakyah kominis itu. Tindakan-tindakan juga diambil oleh badan-badan ugama dengan mengeluarkan risalah-risalah yang menerangkan hakikat kebenaran Islam, dan penerangan-penerangan dakwah bagi menentang dakyah-dakyah kominis yang boleh membawa kesatuan.

## KELAPA KERING— KEJATUHAN HARGA

12. **Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid** minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh FAMA dan lain-lain badan berkanun untuk menghadapi akibah-akibah yang terbit daripada kejatuhan harga kelapa kering pada masa ini juga harga nenas dengan menyatakan rancangan-rancangan yang telah disediakan.

**Tuan Mokhtar bin Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, kejatuhan harga kelapa kering yang berlaku sekarang ini adalah disebabkan kejatuhan harga kelapa kering dan minyak kelapa dipasaran antarabangsa. Pengeluaran kelapa kering dan minyak kelapa Malaysia merupakan hanya 3% sahaja daripada jumlah pengeluaran kelapa kering dan minyak kelapa sedunia. Oleh yang demikian, Malaysia tidak dapat mempengaruhi harga-harga kelapa kering dan minyak kelapa dipasaran antarabangsa ini. Walaupun demikian, FAMA telahpun menjalankan beberapa usaha-usaha untuk mengatasi masaalah ini, termasuklah:

(i) melaksanakan satu rancangan kawalan pemasaran kelapa dimana semua orang-orang tengah yang terlibat di dalam pembelian kelapa dan kelapa kering daripada petani-petani dikenakan lesen atau untuk menentukan petani-petani mendapat layanan yang adil daripada mereka;

(ii) FAMA juga melibatkan diri di dalam jual-beli kelapa dan kelapa kering melalui projek perniagaannya. Kegiatan FAMA dalam menjual-beli kelapa dan kelapa kering telah menambahkan persaingan di peringkat ladang dan menentukan petani-petani mendapat harga-harga yang berpatutan bagi kelapa dan kelapa kering mereka mengikut keadaan pasaran pada satu-satu masa;

(iii) FAMA telah juga mendirikan pusat-pusat memproses kelapa kering di kawasan-kawasan pengeluaran kelapa di negeri ini. Melalui pusat-pusat memproses kelapa kering ini FAMA membeli kelapa dan kelapa kering petani-petani itu untuk dijadikan kelapa kering yang bermutu tinggi untuk dijual kepada kilang-kilang; dan

(iv) FAMA juga sedang merancang untuk mendirikan kilang-kilang minyak kelapanya sendiri; satu di Semenanjung Malaysia; satu di Sabah dan satu lagi di Sarawak, untuk menentukan luang-luang pasaran yang cukup bagi kelapa kering yang dikeluarkan sendiri dengan kelapa kering yang dibeli daripada pekebun-pekebun kecil kelak.

Bagi harga nenas pula, saya difahamkan tidak ada kejatuhan harga.

**Tuan Lukman bin Abdul Kadir:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah pihak Kementerian sedar bahawa FAMA telah melantik ajen-ajennya ataupun wakil-wakilnya di kampung-kampung untuk membeli kelapa-kelapa kering, tetapi apabila berlaku kejatuhan harga kelapa kering ini pihak FAMA tidak menunaikan janji-janjinya untuk memberi keuntungan kepada wakil-wakil atau ajen-ajen itu yang mengakibatkan wakil-wakil dan ajen-ajen itu menanggung kerugian itu sendiri.

**Tuan Mokhtar bin Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu kerana menimbulkan perkara itu dan saya berharap Ahli Yang Berhormat dapat berhubung dengan saya seterusnya bagi menengok keadaan seperti Ahli Yang Berhormat sebutkan tadi.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh FAMA untuk menaikkan harga kelapa kering. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar sungguhpun FAMA telah mengambil tindakan-tindakan yang telah diberitahu tadi di suatu daerah, sekurang-kurangnya di daerah Kuala Langat, tindakan-tindakan yang telah diambil oleh FAMA tidak menstabilkan harga ataupun tidak menaikkan harga malah harga kelapa kering semakin jatuh.

**Tuan Mokhtar bin Haji Hashim:** Apa soalannya, Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak berjawab?

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalannya adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang untuk mengambil tindakan-tindakan yang lain daripada yang telah disenaraikan olehnya tadi untuk menaikkan harga kelapa kering kerana tindakan-tindakan yang telah diambil oleh FAMA setakat ini tidak dapat mengawal harga, tidak dapat menaikkan harga dan tidak dapat menstabilkan harga kelapa kering.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawab?

**Tuan Mokhtar bin Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, FAMA tidak menamatkan usahanya dengan rancangan-rancangan yang ada ini sahaja dan FAMA sebagai satu jentera yang hidup akan memikirkan sebarang langkah yang perlu diambil bagi mengatasi sebarang kejatuhan harga kelapa ini.

## BELIA BUKAN MELAYU—PENYERTAAN

13. **Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar** minta Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan menyatakan samada beliau sedar kurangnya bilangan belia-belia China yang menyertai persatuan-persatuan belia di seluruh negara dan apakah langkah-langkah bagi memperbaiki keadaan ini.

**Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Rais bin Yatim):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memang sedar bahawa pada masa yang telah lalu para belia bukan Melayu memanglah kurang menyertai kegiatan-kegiatan pertubuhan belia. Tetapi sekarang ini jumlah penyertaan belia-belia bukan Melayu adalah semakin bertambah. Kementerian ini sentiasa menjalankan langkah-langkah untuk menarik lebih ramai lagi para belia bukan Melayu itu. Di antara langkah-langkah hendak menarik itu termasuklah melatih pemimpin-pemimpin dan juga bakal-bakal pemimpin belia yang terdiri daripada keturunan bukan Melayu, dan menambah pegawai-pegawai belia yang terdiri daripada bukan Melayu. Pegawai-pegawai belia ini ditugas khusus untuk menarik belia-belia bukan Melayu tersebut menubuhkan dan menjalankan kegiatan-kegiatan pertubuhan belia di tempat masing-masing.

## RANCANGAN BELIA PELADANG

14. **Tuan Shamsudin bin Din** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan menyatakan samada beliau sedar bahawa belia-belia yang menyertai Rancangan Belia Peladang sangat-sangat terhutang budi kepada Kementerian beliau kerana dapat memberi peluang pekerjaan kepada mereka; samada beliau bercadang mencari peruntukan khas bagi membanyakkan rancangan-rancangan seumpama itu sebagai satu langkah mengurangkan pengangguran di kalangan belia-belia.

**Tuan Rais bin Yatim:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa dalam tahun 1972 dan 1973 Rancangan Belia Peladang tidak mempunyai peruntukan yang khas tetapi diambil daripada peruntukan bantuan belia. Dalam tahun 1974 Rancangan Belia Peladang telah mendapat peruntukan khas sebanyak $280,000 yakni lain daripada peruntukan bagi kegiatan-kegiatan belia yang lainnya. Dalam tahun 1975 peruntukan khas Rancangan Belia Peladang ini telah bertambah menjadi $700,000.

## TALIPON—PENGGUNA

**15. Tuan Loh Fook Yen** minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar, bahawa pengguna-pengguna talipon di Kluang terpaksa menunggu masa yang panjang jika mereka hendak membuat panggilan jauh, jika ya, apakah langkah wajar beliau akan ambil untuk mengatasi kelambatan itu serta bila beliau akan mengubahkan sistem talipon kawasan Kluang kepada sistem otomatik.

**Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan (Tuan Haji Ramli bin Omar):** Tuan Yang di-Pertua, kelambatan panggilan-panggilan jauh yang telah dialami di ibusawat talipon Kluang ialah terutamanya pada panggilan-panggilan ke Kuala Lumpur dan ke Kulai, Kota Tinggi dan Pontian. Perjalanan (route) sambungjauh ke Kuala Lumpur akan ditambah daripada 15 litar-litar ke 25 litar sebaik-baik sahaja alat-alat dapat diadakan. Ini dijangka dalam masa 3 bulan lagi. Perjalanan-perjalanan ke Kulai, Kota Tinggi, Pontian dan lain-lain akan diperbaiki sebaik sahaja ibusawat baru sambungjauh pusat lenkongan di Johor Bahru siap dalam bulan Oktober, tahun ini.

Ibusawat Kluang ialah ibusawat yang beroperetor dan ini dijangka ditukar kepada otomatik sebelum awal 1977. Bangunan baru untuk ibusawat otomatik ini sedang dibina dan alat-alat telahpun dipesan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan bagi Pertanyaan No. 16 hingga 49 adalah diberi di bawah ini.)*

## PENGANGGURAN

**16. Tuan Richard Dampeng anak Laki** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masaalah pengangguran di Sarawak.

**Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon):** Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masaalah pengangguran di Sarawak adalah seperti berikut:

(1) Penubuhan ladang-ladang perindustrian yang mempunyai kemudahan-kemudahan "infra-structural" bagi memudahkan penubuhan industri-industri baru;

(2) Penggalakan industri-industri "labour-intensive" melalui pembekalan bantuan cukai;

(3) Sekim "locational incentive" bagi pembubaran industri-industri dari pemusatan perindustrial yang ujud di kawasan-kawasan bandar dan dengan yang demikian membawa kepada kadar yang lebih pantas dalam segi pembangunan di kawasan-kawasan pendalaman;

(4) Rancangan Tanah akan terus merupakan cara yang penting untuk memperluaskan pekerjaan pertanian dan meninggikan pendapatan di luar bandar.

Sejauh mana Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat ada berkaitan, tindakan telahpun diambil bagi memperkuat dan meluaskan Perkhidmatan Pekerjaan di Sarawak. Pejabat-pejabat Pekerjaan baru yang mempunyai Pegawai-pegawai Pekerjaan penuhmasa, telah ditubuhkan di Sarawak iaitu di Limbang, Simanggang dan Kapit bagi membantu pencari-pencari kerja untuk mendapatkan pekerjaan. Dengan penubuhan 3 pejabat-pejabat baru ini, jumlah pejabat-pejabat pekerjaan di Sarawak pada masa sekarang adalah 7. Pada masa ini tempat-tempat telahpun disediakan di Institut Latihan Perindustrian di Semenanjung Malaysia bagi lepasan-lepasan sekolah di Sarawak. Kemudahan latihan juga disediakan di sekolah-sekolah vokesyenal yang telah didirikan oleh Kementerian Pelajaran dan MARA. Universiti Pertanian sekarang sedang menubuhkan sebuah maktab universiti di Sarawak bagi menyerapkan lebih ramai lagi belia-belia terpelajar untuk latihan lanjutan dalam sains pertanian.

## KAJIAN SOSIO-EKONOMI

**17. Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi menyatakan samada kajian percubaan sosio-ekonomi untuk menilai sikap dan nilai-nilai masyarakat desa di Sarawak telah selesai; jika ya, nyatakan hasil-hasil dan syor-syor kajian tersebut.

**Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud):** Kajian Perintis sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dijangka akan selesai tidak berapa lama lagi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini pejabat Cawangan Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia di Kuching sedang giat menyusun lauran-lapuran terakhir.

Oleh yang demikian bahagian kedua kepada soalan itu tidaklah berbangkit.

## DOKTOR PERKHIDMATAN KERAJAAN

**18. Tuan Edwin anak Tangkun** minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menjadikan perkhidmatan Kerajaan lebih menarik kepada doktor-doktor supaya dapat mengurangkan pengaliran doktor-doktor dari perkhidmatan Kerajaan keamalan perubatan persendirian yang lebih lumayan itu.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):** Bukanlah menjadi hasrat Kementerian saya untuk menandingi sektor swasta dalam bidang gaji yang dibayar kepada pegawai-pegawai perubatan dalam memperbekalkan kemudahan-kemudahan perubatan kepada rakyat; malah adanya kemudahan-kemudahan perubatan swasta ini dapat disifatkan sebagai suatu menifestasi pemesatan perkembangan ekonomi rakyat. Dengan wujudnya institusi-institusi perubatan bersendirian di dalam masyarakat kita akan menguntungkan sebilangan rakyat yang mampu membayar bagi perkhidmatan perubatan yang diberikan kepadanya oleh doktor-doktor swasta. Oleh yang demikian, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kemasukan doktor-doktor kerajaan ke dalam bidang swasta tidaklah patut dianggap sebagai suatu kerugian kepada rakyat dan negara.

Walau bagaimanapun, dari semasa ke semasa Kementerian saya menyemak dan memperbaiki syarat-syarat perkhidmatan bagi pegawai-pegawai perubatan berdasarkan kepada kelulusan, jenis-jenis kerja yang dilakukan dan juga dari semasa ke semasa jawatan-jawatan kenaikan pangkat ditambah dan dinaikkan taraf berdasarkan kepada perluasan perkhidmatan perubatan dan kesihatan. Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 1971 hingga hujung tahun 1974, 95 jawatan Tingkatan-tertinggi baru telah di wujudkan. Beberapa cadangan lagi untuk mewujudkan jawatan Tingkatan-tertinggi bagi pegawai-pegawai perubatan sedang dalam kajian. Bagi doktor-doktor yang mempunyai Ijazah Lanjutan yang diiktirafkan, mereka diberi 2 hadiah kenaikan gaji dan setelah diwartakan sebagai Pakar akan layak menerima elaun pakar dalam kadar $400 hingga $1,200 mengikut tingkatan pegawai-pegawai itu. Di samping itu juga, Kementerian saya mengadakan biasiswa kepada pegawai-pegawai perubatan dan tiap-tiap tahun antara 20 hingga 40 orang calun diberi hadiah cuti belajar berbiasiswa untuk mengikuti pengajian lepasan ijazah.

Baru-baru ini juga Kerajaan telah memberi persetujuan membenarkan pegawai-pegawai perubatan mengambil cuti tanpa gaji selama tidak melebihi 1 tahun untuk mengikuti pengajian lepasan ijazah di institusi-institusi luar negeri. Tambahan pula, sudah menjadi kebiasaan bagi Kementerian saya menghantar beberapa orang doktor tiap-tiap tahun bagi mengikuti kursus pendek, seminar dan persidangan, dalam dan luar negeri bagi mengemaskinikan dan meluaskan pengetahuan dan pengalaman untuk kepentingan mereka dan juga perkhidmatan perubatan keseluruhannya.

Jika dibandingkan dengan lain-lain perkhidmatan Kerajaan, Ahli Yang Berhormat akan bersetuju bahawa syarat-syarat perkhidmatan bagi pegawai-pegawai perubatan adalah lebih menarik dan Kementerian saya berpuashati bahawa dengan adanya kemudahan-kemudahan bagi pegawai-pegawai perubatan seperti dinyatakan di atas akan menarik dan mengekalkan doktor-doktor di dalam perkhidmatan Kerajaan. Pada 3 tahun yang lepas angka-angka yang menunjukkan doktor-doktor yang masuk ke dalam perkhidmatan Kerajaan dan juga meletakkan jawatan bagi tempoh yang sama ialah seperti berikut:

| | *1972* | *1973* | *1974* |
|---|---|---|---|
| Pengambilan jawatan ... | 261 | 299 | 348 |
| Perletakan jawatan ... | 80 | 117 | 133 |

Angka-angka ini jelas menunjukkan bahawa doktor-doktor yang masuk ke dalam perkhidmatan adalah jauh lebih banyak daripada yang meletak jawatan.

## PERUMAHAN AWAM DI SABAH

**19. Datuk Peter Lim Pui Ho** minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan:

(*a*) samada satu projek rumah murah yang baru akan dilaksanakan di Sabah, khasnya di Sandakan; dan

(*b*) samada Kerajaan akan menimbangkan melancarkan satu projek rumah murah di Sandakan untuk memberi kemudahan perumahan kepada orang awam golongan pendapatan rendah kerana 300 yunit yang siap dalam tahun 1968 di Berhala Darat adalah untuk penduduk-penduduk kawasan sesak di Kg. Galam dan 172 yunit di Batu 4, North Road sekarang di khaskan untuk penduduk-penduduk Kg. Bokara yang dipindah untuk memberi jalan bagi kawasan Pihak Berkuasa Pelabuhan yang baru.

**Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Michael Chen Wing Sum):**

(*a*) Di dalam Rancangan Malaysia Kedua, dengan wang peruntukan sebanyak $5.4 juta, Kerajaan Negeri Sabah dengan dibantu oleh Kerajaan Pusat telah merancang dan melaksanakan 19 buah projek di seluruh Sabah. Di Sandakan khasnya ada terdapat satu projek perumahan awam, iaitu di Batu 4, Jalan Utara.

(*b*) Selain dari projek perumahan awam di Batu 4, Jalan Utara, Sandakan itu, beberapa buah projek lagi telahpun dikemukakan untuk pertimbangan Kerajaan Persekutuan bagi dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Samada cadangan bagi tempat yang disebutkan oleh Yang Berhormat akan diluluskan atau tidak belumlah dapat saya pastikan kerana perkara tersebut sedang dikaji dalam konteks Rancangan Malaysia Ketiga.

## FELDA—RANCANGAN TANAH DI KELANTAN

**20. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** minta Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas menyatakan samada Kementerian beliau bercadang untuk membuat perundingan dengan Kerajaan Negeri Kelantan untuk membuka sebuah rancangan tanah FELDA meliputi satu kawasan seluas lebih dari 300,000 ekar di Ulu Kelantan yang telah diambil balik oleh Kerajaan Negeri itu daripada sebuah syarikat membalak.

**Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda):** Saya kurang jelas tentang apa yang dikatakan kawasan yang meliputi seluas 300,000 ekar yang ditarik balik oleh Kerajaan Negeri Kelantan itu. Tetapi, sekiranya Yang Berhormat itu bermaksud kawasan Sungai Lebir dan Sungai Chiku dalam jajahan Ulu Kelantan, maka di sana sebenarnya terdapat hanya satu kawasan seluas lebih kurang 50,000 ekar yang difikirkan sesuai untuk tanaman getah, bukan kelapa sawit. Kajian penyesuaian yang teliti sedang dijalankan atas kawasan ini dan perundingan telahpun diadakan dengan pihak Kerajaan Negeri bagi membolehkan FELDA memajukan kawasan ini dengan tanaman getah.

## GULA—PENGELUARAN KILANG-KILANG

**21. Tuan Oh Keng Seng** minta Menteri Perdagangan dan Perindastrian menyatakan jumlah gula yang dikeluarkan dalam jangka waktu 1-1-1975 hingga 30-6-1975 oleh syarikat-syarikat berikut:

(i) Gula Perak;

(ii) Gula Negri Sembilan; dan

(iii) Gula Perlis.

Sila nyatakan samada Menteri berkenaan puashati dengan kemajuan dan pengeluaran-pengeluaran gula oleh 3 syarikat ini.

**Menteri Perdagangan dan Perindastrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah):** Jumlah gula yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat gula tempatan iaitu Gula Perak Berhad, Syarikat Gula N.S. Sdn. Bhd. dan Kilang Gula Felda Sdn. Bhd. dalam jangkawaktu 1hb Januari, 1975 hingga 30hb Jun, 1975 adalah sebanyak 13,196 tan metrik gula pasir dan 23,329 tan metrik gula mentah. Pengeluaran bagi tiap-tiap syarikat adalah seperti berikut:

(i) *Gula Perak Berhad*

| | |
|---|---|
| Gula pasir ... | 680 tan metrik |
| Gula mentah | 2,576 tan metrik |

(ii) *Syarikat Gula N.S. Sdn. Bhd.*
Gula pasir ... 1,250 tan metrik

(iii) *Kilang Gula Felda Sdn. Bhd.*
Gula pasir ... 11,266 tan metrik
Gula mentah 20,753 tan metrik

Memandangkan kepada angka-angka pengeluaran oleh ketiga-tiga pekilang tersebut, hanya syarikat Kilang Gula Felda Sdn. Bhd. sahaja dapat menunjukkan kemajuan di dalam pengeluaran mereka; manakala syarikat Gula Perak Bhd. dan Kilang Gula N.S. Sdn. Bhd. masih tidak memuaskan.

## FAMA—PASARAN HASIL TANAMAN

**22. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

(*a*) samada Kerajaan sedar bahawa FAMA tidak menyediakan pasaran yang cukup dan harga yang memuaskan terhadap hasil tanaman yang penanamannya telah digalakkan oleh Kerajaan, misalnya, kejadian kacang tanah di Trengganu adalah satu perkara yang tidak sepatutnya berlaku; dan

(*b*) apakah penyelarasan di antara FAMA, pengilang-pengilang dan orang tengah agar masaalah kesulitan pasaran tidak timbul.

**Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):**

(*a*) Dewasa ini hasil-hasil pertanian yang jenisnya serta banyaknya yang harus ditanam seperti diperakui oleh FAMA, adalah mendapat pemasaran yang memuaskan terkecuali kacang tanah. Saya sedar akan masaalah-masaalah pemasaran kacang tanah yang telah timbul di musim pertama tahun 1975. Masaalah ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor luarbiasa yang telahpun saya nyatakan apabila menjawab soalan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Sg. Petani, soalan 9 pada 9hb Julai.

(*b*) Saya sedar tentang perlunya mengadakan penyelarasan yang cukup di antara FAMA dengan pengilang-pengilang dan orang-orang tengah untuk menentukan hasil-hasil pertanian dapat dipasarkan dengan cekap. Dalam bidang pemasaran kacang tanah umpamanya, FAMA sentiasa mengadakan perhubungan rapat dengan orang-orang tengah dan pemeroses-pemeroses kacang tanah untuk mengatasi masaalah pemasaran kacang tanah yang dihadapi sekarang dan untuk menentukan keluasan tanah yang harus ditanam dengan kacang tanah dalam musim kedua. Berdasarkan perbincangan dan perundingan dengan pihak pemeroses dan orang-orang tengah, FAMA telah dapat menentukan keluasan tanah yang harus ditanam dalam musim kedua. Penyelarasan serupa ini ialah untuk menentukan supaya pengeluaran dapat dipadan dengan permintaan di pasaran seberapa tepat yang boleh bagi mengelakkan kekurangan atau kelebihan bekalan. Dan juga melalui perundingan dengan pihak-pihak pemeroses, FAMA telah dapat mengawalkan harga yang lebih baik untuk kacang tanah yang dibelinya daripada petani-petani.

Tidak berapa lama lagi FAMA akan melaksanakan satu Rancangan Kawalan Kacang Tanah. Di bawah rancangan ini semua orang-orang tengah yang terlibat di dalam pembelian kacang tanah daripada petani-petani akan dikenakan lesen. Rancangan kawalan ini adalah untuk membolehkan FAMA mengawal dan menyelia kegiatan orang-orang tengah untuk menentukan petani-petani mendapat layanan yang adil daripada mereka.

## PASPOT ANTARABANGSA PINJAMAN HASSIN DITAHAN

**23. Dr Tan Chee Khoon** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

(*a*) apakah sebabnya paspot Saudara PINJAMAN HASSIN No. 40014136 telah ditahan oleh pihak imigeresen, Lapangan Terbang, Kota Kinabalu pada 26hb Jan, 1975 tanpa alasan;

(*b*) samada beliau sedar bahawa pada 26hb Mei, 1975 saudara Pinjaman Hassin, telah menulis surat kepada Pengarah Imigeresen, Sabah, meminta balik paspotnya, tetapi sehingga sekarang beliau tidak dapat apa-apa jawapan dan paspotnya belum dikembalikan kepada beliau; dan

(*c*) samada Menteri boleh menyiasat perkara ini dan ambil tindakan sewajarnya.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Paspot Antarabangsa Encik Pinjaman Hassin telah ditahan oleh sebab beliau ketika itu sedang dalam siasatan polis. Walau bagaimanapun, siasatan itu telahpun selesai dan sekiranya Encik Pinjaman Hassin itu berkehendakkan paspotnya semula, Ahli Yang Berhormat dari Batu itu bolehlah menasihatkan beliau berhubung dengan Pengarah Imigeresen Sabah untuk mendapatkannya.

## GETAH/KELAPA SAWIT— SETABILKAN HARGA

**24. Tuan Edmund Langgu anak Saga** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan usaha-usaha positif yang dijalankan untuk mengsetabilkan harga getah dan kelapa sawit.

**Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam):** Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah jangka pendek dan jangka panjang untuk mengsetabilkan harga getah. Langkah-langkah ini telah saya umumkan pada Dewan ini pada 28hb November, 1974. Nampaknya dengan perlaksanaan langkah-langkah yang diistiharkan itu kesannya sangat memuaskan. Harga getah RSS 1 telah naik dari 97 sen/kg sebelum dari perlaksanaan rancangan tersebut sehingga kepada 144 sen/kg pada 9hb Disember, 1974 yang lalu. Pada masa ini harga getah bolehlah dikatakan memuaskan sungguhpun masih belum tiba ke paras yang difikirkan berpatutan.

Untuk mendapatkan kejayaan yang lebih berkesan dari segi jangka panjang, maka langkah-langkah di atas hendaklah disertai oleh rancangan jangka panjang yang lebih teratur yang memerlukan kerjasama beberapa pihak berkenaan dalam perusahaan getah dalam negeri dan di peringkat antarabangsa. Oleh sebab saya telahpun menghuraikan butir-butir sekim Pensetabilan Harga Getah ini pada 8hb Julai yang lalu, sebagai menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap, saya tidak bercadang menghuraikannya sekali lagi.

Mengenai kelapa sawit pula, struktur-struktur industrinya adalah berlainan daripada getah dan oleh kerana itu harga minyak kelapa sawit tidak mudah distabilkan pada masa sekarang. Minyak kelapa sawit pada tahun 1974 merupakan 10.7% daripada jumlah eksepot dunia bagi minyak dan lemak dan ianya menghadapi persaingan dari 15 jenis minyak dan lemak yang lain dan minyak-minyak tiruan, misalnya minyak soya, sun flowerseed oil, minyak kelapa, minyak kacang tanah, minyak ikan dan "tallow". Minyak-minyak dan lemak-lemak ini adalah mudah ditukar ganti di antara satu sama lain dan mana-mana percubaan untuk menetapkan harga minyak kelapa sawit sahaja diperingkat tertentu akan menggalakkan pengguna-penguna menukarkan kepada jenis-jenis minyak dan lemak yang lain dan ini akan mendatangkan akibat-akibat yang buruk kepada harga dan pemasaran minyak kelapa sawit.

Walau bagaimanapun, harga-harga minyak kelapa sawit dan lain-lain minyak dan lemak boleh distabilkan jikalau satu sekim boleh diatur dimana langkah-langkah pengstabilan boleh digunakan bagi semua minyak-minyak dan lemak-lemak. Sekim tersebut telah pun dibincangkan pada peringkat permulaan di Pertubuhan Makanan dan Pertanian Sedunia (F.A.O.) dan Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (U.N.C.T.A.D.). Rumusan awal menunjukkan bahawa Sekim tersebut tidak mudah dilaksanakan kerana kesulitan-kesulitan yang berkaitan dengan had pengeluaran ekspot, simpanan dan operasi setok penimbal bagi minyak-minyak dan lemak. Penyimpanan minyak-minyak sayuran dan minyak kelapa sawit terutamanya bukan sahaja mahal tetapi penyimpanan yang lama akan mengakibatkan kejatuhan mutunya.

Sebaliknya pula diperingkat dalam negeri, Kerajaan telah memutuskan supaya dihentikan sistem pemasaran dan penetapan harga secara berkelumpuk, atau pun "pool system" bagi minyak kelapa sawit yang dijual oleh pengeluar-pengeluar di Malaysia. Tujuannya ialah untuk menimbulkan persaingan dan kelonggaran atau "flexibility" yang lebih bagi pengeksepot-pengeksepot supaya mereka dapat bertindak mengikut keadaan pasaran.

## TALIPON KEPADA PENGGUNA— PERKHIDMATAN

**25. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Perhubungan menyatakan apakah sebabnya sangat rumit untuk menggunakan sistem

dial terus S.T.D. untuk membuat panggilan-panggilan talipon dari Melaka ke Kuala Lumpur dalam waktu biasa kerja, dan nyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk menentukan bahawa sistem dial terus S.T.D. adalah suatu langkah ke hadapan dan bukannya suatu langkah ke belakang dalam usaha memajukan teknoloji dan perkhidmatan talipon kepada pengguna-pengguna.

**Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam):** Pada masa sekarang ada 80 litar-litar sambungjauh antara Melaka dan Kuala Lumpur. Satu ibusawat suis sambungjauh (Trunk Exchange) yang baru mengandungi 1400 talian berharga $3.7 juta sedang dibina di Melaka sekarang dan dijangka akan siap sebelum akhir tahun. Apabila ibusawat baru ini memulakan perkhidmatan, trafik sambungjauh (trunk traffic) dari Melaka ke semua pusat-pusat suis yang penting termasuk Kuala Lumpur akan ditambah sekurang-kurangnya 70% dan kemudahan-kemudahan Panggilan Sambungjauh dari Melaka akan menjadi lebih baik lagi.

Di Kuala Lumpur tambahan alat-alat talian sambungjauh telah dipesan untuk menambah jalan-jalan (routes) yang telah sesak dan alat-alat tersebut dijangka akan tiba antara bulan November dan April tahun 1976. Bila alat-alat tersebut sampai, ia akan dipasang untuk menyenangkan jalan-jalan yang sesak.

Adalah juga dihargai bahawa lebih daripada 30%-40% kesusahan-kesusahan untuk mendapatkan panggilan-panggilan sambungjauh terus (S.T.D. calls), ialah kerana pelanggan yang dikehendaki itu sendiri sebok ataupun mereka sedang bercakap, iaitu mereka selalu menggunakan talian-taliannya dan menyebabkan panggilan-panggilan dari luar tidak dapat disambungkan. Masaalah ini tidak sahaja menyusahkan untuk mendapatkan panggilan-panggilan sambungjauh, bahkan juga pelanggan-pelanggan yang hendak mendapatkan mereka, terpaksa memanggil 4 hingga 8 kali pada tiap-tiap satu panggilan dan panggilan-panggilan yang diulangi ini menyesakkan ibusawat-ibusawat talipon dan talian-talian sambungjauh (trunk lines).

## KESATUAN SEKERJA BAGI PEKERJA-PEKERJA

**26. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

(*a*) bilangan pekerja-pekerja yang diperlindungi oleh Perintah-perintah Majlis Gaji (Wage Council Orders), dengan memberi angka-angka yang berlainan untuk setiap perintah; dan

(*b*) langkah-langkah Kementerian beliau telah ambil untuk menggalakkan pekerja-pekerja ini menjadi ahli Kesatuan-kesatuan sekerja dan berdikari supaya dapat mereka mendapat layanan yang lebih baik dari majikan-majikan mereka dan bukan gaji minima yang ditetapkan oleh perintah-perintah tersebut yang tidak memadai.

**Datuk Lee San Choon:**

(*a*) Jumlah pekerja-pekerja yang diberi perlindungan oleh berbagai-bagai Perintah-perintah Peraturan Gaji di Semenanjung Malaysia adalah seperti berikut:

(i) Peraturan-peraturan Gaji (Pembantu Kedai) Perintah 1970—lebih kurang 140,000 pekerja

(ii) Peraturan-peraturan Gaji (Pekerja Panggung Wayang) Perintah 1972—lebih kurang 3,500 pekerja

(iii) Peraturan-peraturan Gaji (Pemunggah-pemunggah dan Pengendali Muatan, Pulau Pinang) Perintah 1970—lebih kurang 1,600 pekerja

(iv) Peraturan-peraturan Gaji (Perhidangan Makanan dan Hotel) Perintah 1967—lebih kurang 20,000 pekerja

(*b*) Pekerja-pekerja di perusahaan panggung wayang, perhidangan makanan dan hotel dan mereka yang bekerja sebagai pemunggah dan pengendali muatan di Pelabuhan Pulau Pinang telahpun menubuhkan kesatuan-kesatuan sekerja dan dalam banyak perkara, telah berunding dengan majikan-majikan mereka dan mencapai Perjanjian Bersama yang memberi kadar gaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang lebih baik daripada apa yang terdapat di dalam berbagai-bagai Perintah Peraturan Gaji itu. Pembantu-pembantu Kedai pula, sebagaimana lain-lain pekerja di

negara ini telah juga diberi galakan untuk menubuhkan kesatuan sekerja dan dalam perkara ini Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia sedang memainkan peranan yang positif.

## KESATUAN SEKERJA— TINDAKAN PERUSAHAAN

**27. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

(*a*) hingga kini berapa banyakkah kesatuan sekerja yang telah menghantar notis untuk mengambil tindakan mogok, kerja ikut peraturan, memulaukan kerja lebih masa dan mengenai kenaikan gaji dan lain-lain, yang mana kes-kesnya telah dirujukkan ke Mahkamah Perusahaan dan masih belum lagi diputuskan;

(*b*) kesatuan-kesatuan sekerja yang mempunyai ramai ahli yang telah bertindak seperti (*a*) di atas, sebab-sebabnya dan apa pula tindakan Kerajaan untuk menyelesaikan perkara ini.

(*c*) adakah kesatuan-kesatuan ini dipengaruhi oleh anasir-anasir subversif, jika ya, apakah tindakan-tindakan yang diambil; dan

(*d*) adakah Kerajaan berpendapat bahawa tuntutan-tuntutan ini patut dibekukan untuk sementara waktu sehingga difikirkan boleh berbuat demikian.

**Datuk Lee San Choon:**

(*a*) Soalan Ahli Yang Berhormat yang berkenaan tiada berapa jelas, akan tetapi adalah difikirkan bahawa beliau hanya ingin mengetahui jumlah Kesatuan-kesatuan Sekerja yang telah memberi notis untuk tindakan perusahaan, seperti yang dikehendaki oleh Undang-undang, dan di mana pertikaian yang sedemikian seterusnya dirujukkan kepada Mahkamah Perusahaan. Jumlah Kesatuan Sekerja yang terlibat dalam tempoh di antara Julai 1974 dan Jun 1975 ialah

(1) Jumlah pertikaian-pertikaian yang mana notis untuk tujuan tindakan perusahaan telah dikeluarkan dan seterusnya dirujukkan kepada Mahkamah Perusahaan, ialah

(2) Mahkamah Perusahaan telahpun membuat keputusan atas satu daripada pertikaian-pertikaian tersebut sementara yang satu lagi masih menunggu keputusan Mahkamah.

(*b*) Kesatuan-kesatuan Sekerja besar yang telah memberi notis untuk tujuan tindakan perusahaan dalam tempoh di antara Julai 1974 dan Jun 1975 ialah:

(i) Kesatuan Pekerja-pekerja Pengangkutan;

(ii) Kesatuan Pekerja-pekerja L.L.N.;

(iii) Kesatuan Kakitangan Pos yang berpakaian seragam;

(iv) Kesatuan Kakitangan Lembaga Pelabuhan Klang;

(v) Kesatuan Perkhidmatan Teknik Tanah Melayu.

Sepanjang yang diketahui, sebab-sebab Kesatuan Sekerja itu memberi notis bagi tindakan perusahaan mereka ialah bagi menyokong tuntutan mereka untuk Elaun Bantuan Khas, untuk kenaikan gaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang lebih baik, untuk menyokong tuntutan mereka supaya disegerakan perlaksanaan perakuan-perakuan Suruhanjaya Gaji Harun, dan untuk membetulkan "anomalies" dan syarat-syarat perkhidmatan dalam sektor Awam. Kerajaan telah mengambil tindakan yang sesuai dalam tiap-tiap kes untuk menyelesaikan pertikaian tersebut.

(*c*) Sepanjang yang diketahui oleh Kementerian ini, Kesatuan Sekerja tersebut tidaklah dipengaruhi oleh anasir-anasir subversif.

(*d*) Tuntutan bagi kenaikan gaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang lebih baik di sektor swasta adalah biasanya diselesaikan menerusi perundingan, runding-damai dan timbangtara.

Di dalam semua acara-acara yang sedemikian, objektive negara dan suasana ekonomi adalah sentiasa diambil ingatan. Di dalam sektor Awam, yang termasuk Badan-badan Berkanun dan Kerajaan Tempatan, kenaikan gaji dan syarat-syarat perkhidmatan, dalam tahun-tahun yang lepas, telah ditentukan oleh perakuan-perakuan dari Suruhanjaya-suruhanjaya Gaji. Oleh yang demikian, Kerajaan berpendapat bahawa keadaan sekarang tidak memerlukan pembekuan tuntutan-tuntutan gaji.

## MARA—BANTUAN KEPADA BUMIPUTRA

**28. Tuan James Stephen Tibok** minta Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam menyatakan samada objektif Pejabat MARA Cawangan Kota Kinabalu Sabah membantu rakyat atau memberi faedah kepada segelintir penduduk sahaja kerana terjadi beberapa pelanggan yang selepas tiga tahun selesai membayar pinjaman mereka masih tidak dapat kembali geran tanah mereka yang telah dicagarkan itu tetapi sebaliknya diberitahu bahawa dokumen-dokumen itu masih berada di Ibu Pejabat MARA Kuala Lumpur dan ini menyebabkan kesusahan kepada mereka.

**Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam (Datuk Hussein bin Datuk Onn):** Objektif utama MARA ialah memberi kemudahan serta membantu semua Bumiputra-bumiputra yang memerlukannya. Dari 1hb Januari, 1975 sehingga 31hb Mei, 1975, sebanyak 127 peminjam-peminjam dengan jumlah $695,550 telah diberi kepada Negeri Sabah.

Geran-geran tanah yang telah dicagarkan biasanya dikembalikan dengan seberapa segera yang boleh iaitu setelah pinjaman berkenaan sah dijelaskan oleh Ibu Pejabat MARA. Kelewatan mengembalikan geran-geran yang terdapat itu mungkin kerana ada perselisihan kira-kira bayaran antara peminjam dengan MARA terutama pinjaman-pinjaman yang telah lebih dari tempoh penyelesaiannya. Bagaimanapun jikalau Yang Berhormat ada keterangan yang tertentu di atas perkara ini silalah kemukakan kepada Kementerian saya supaya dapat disiasat di atas kedudukan yang sebenarnya.

## MARA—BUMIPUTRA MENYALAHGUNAKAN

**29. Tuan Sibat Miyut anak Tagong** minta Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk menentukan bahawa pengusaha-pengusaha Bumiputra yang telah menyalahgunakan peluang-peluang yang disediakan oleh MARA, tidak lagi akan mengambil bahagian dalam rancangan-rancangan masa depan ajensi itu.

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:** MARA telah menyediakan satu senarai nama-nama pengusaha yang telah menyalahgunakan peluang-peluang yang diberikan olehnya ke dalam satu "Black-list" dan usaha-usaha akan dijalankan bagi menentukan yang mereka tidak akan diberi kemudahan-kemudahan MARA di masa-masa akan datang.

## BELIA SARAWAK—PROJEK TERNAKAN LEMBU

**30. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan samada projek pemeliharaan kerbau-lembu akan dilancarkan di Sarawak sebagai sebahagian daripada "Rancangan Belia Peladang" bagi menolong menyelesaikan masaalah tiada pekerjaan di kalangan belia dan juga bagi mengadakan bekalan daging bagi memenuhi permintaan tempatan sejajar dengan rancangan "Buku Hijau", jika ya, bila, dan jika tidak, mengapa.

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Ali bin Haji Ahmad):** Perkara melancarkan Projek Ternakan Lembu di Sarawak ini telahpun dirundingkan dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri Sarawak dalam masa lawatan rombongan saya ke Sarawak dalam bulan April yang lepas. Kalau sekiranya terbukti bahawa kesanggupan belia-belia itu ada dan keadaan membolehkan maka tidak ada halangan dari pihak Kementerian ini supaya Projek Ternakan Lembu oleh belia-belia di Sarawak itu dijalankan.

## MAS—PENERBANGAN B 737 KE SABAH/SARAWAK

**31. Tuan Jaafar bin Hamzah** minta Menteri Perhubungan menyatakan bilakah perkhidmatan Penerbangan Boeing 737 bagi membawa penumpang-penumpang dari Kuala Lumpur ke Sabah dan Sarawak melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Senai akan diadakan.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** MAS sekarang ini mengadakan perkhidmatan terus-menerus (direct non-stop) B737 di antara Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu, dan di antara Kuala Lumpur dan Kuching Selain dari itu MAS juga mengadakan perkhidmatannya melalui Singapura ke Kota Kinabalu dan Kuching. Dengan adanya lapangan terbang ini maka kemudahan-kemudahan yang sepenuhnya akan dapat diberi kepada bukan sahaja penumpang-penumpang dari Negeri Johor bahkan juga

akan dapat menyenangkan lagi perjalanan penumpang-penumpang dari Semenanjung Malaysia yang di sebelah selatan ke Sabah dan Sarawak.

Namun demikian kemajuan terafik dari Johor Bahru akan sentiasa dikaji terhadap perkembangannya, dan sekiranya bilangan terafik dari Lapangan Terbang tersebut bertambah maka pihak MAS akan bersedia untuk mengadakan perkhidmatan penerbangan B737 ke Sabah dan Sarawak melalui Lapangan Terbang Johor Bahru.

## BANJIR DI KUALA LUMPUR

32. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan samada beliau sedar tentang banjir-banjir mengejut yang berlaku di Kuala Lumpur dan nyatakan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masaalah ini.

**Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui):** Jawapan adalah sama seperti yang diberi kepada soalan Bilangan 4 daripada Ahli Yang Berhormat dari Kepong awal tadi.

## HOSPITAL KULAI

33. **Tuan Chin Hon Ngian** minta Menteri Kesihatan menyatakan samada Kerajaan bercadang untuk membina sebuah hospital di Kulai, Johor, dan jika ya:

(*a*) bilakah kerja-kerja pembinaan akan bermula;

(*b*) bilakah ianya dijangka akan siap; dan

(*c*) di manakah tapak hospital yang dicadangkan itu.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Kerajaan bercadang untuk membina sebuah hospital di Kulai, Johor.

(*a*) Perancangan untuk hospital tersebut sedang dalam tindakan. Apabila pelan dan bentuk Hospital Kulai diluluskan, pembinaannya akan bermula sebaik sahaja selesainya perancangan, kajian dan persediaan tapak tanah.

(*b*) Pembinaan Hospital Kulai dijangka mengambil masa 3 tahun.

(*c*) Tapak tanah yang telah diperolehi itu terletaknya di batu 18¼ Jalan Johor Bharu—Kulai.

## DOKTOR MALAYSIA DI LUAR NEGERI

34. **Tuan Chin Hon Ngian** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

(*a*) bilangan doktor-doktor Malaysia yang mempunyai ijazah-ijazah yang diakui atau tidak yang bekerja di seberang laut sekarang;

(*b*) memandangkan kepada kekurangan doktor yang meruncing di negara ini sekarang, samada Kerajaan telah meminta mereka dengan bersurat supaya balik dan berkhidmat kepada negara mereka sendiri; dan jika ya,

(*c*) berapa ramaikah yang menolak permintaan ini.

**Tan Sri Lee Siok Yew:**

(*a*) Kementerian saya tidak mengetahui berapa ramaikah doktor-doktor Malaysia yang bekerja di luar negeri kerana tidak terdapat rekod seumpama itu.

(*b*) Kementerian saya tidak pernah menulis kepada mereka meminta mereka kembali berkhidmat. Walau bagaimanapun, saya telah beberapa kali menyatakan bahawa Kerajaan kita sedia menerima doktor-doktor yang berkelayakan dari luar negeri untuk berkhidmat di negara ini. Kenyataan itu, sungguhpun ditujukan khasnya kepada bakal-bakal calun yang bukan warganegara tetapi, jika adanya calun-calun tempatan yang memohon, tentulah mereka akan diberi keutamaan untuk berkhidmat dengan kerajaan jika mereka ingin kembali.

## MARA—TABUNG PINJAMAN KEPADA PENIAGA KECIL

35. **Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam menyatakan:

(*a*) samada Kerajaan sedar bahawa MARA tidak memperuntukkan wang yang cukup untuk memberi pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil, sehingga pemohon-pemohon seperti yang banyak terdapat di Trengganu yang berjaya dalam permohonan pinjaman pun tidak dapat diberi wang; dan

(*b*) apakah usaha untuk mengatasi perkara ini.

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:**

(*a*) Kerajaan sedar bahawa Tabung Pinjaman MARA sedang mengalami kekurangan wang pusingan. Kekurangan ini adalah disebabkan oleh:

(i) Permintaan untuk pinjaman yang melebihi jangka yang mana dari 1hb Januari, 1975 sehingga 31hb Mei, 1975 pinjaman sebanyak $9,674,419.00 telah diberi kepada 2,075 peminjam-peminjam.

(ii) Kutipan bayaran balik yang tidak mencapai matlamat anggaran.

(*b*) Usaha-usaha yang sedang dijalankan untuk mengatasi perkara ini ialah:

(i) Menghadkan keluaran satu-satu pinjaman kepada $10,000 buat sementara waktu.

(ii) Memesatkan usaha-usaha mengutip bayaran balik pinjaman dengan cara mengadakan dasar-dasar penguatkuasaan yang tegas.

## CHINA—PERATURAN PERJALANAN

36. **Tuan Chieng Tiong Kai** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samaada Kerajaan akan membenarkan orang-orang berjalan dengan bebas antara Malaysia dan Republik Rakyat China memandangkan terjalinnya hubungan diplomatik antara kedua-dua negara.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Peraturan perjalanan ke Negeri China adalah sama seperti perjalanan ke negeri-negeri Sosialis yang lain dan tidak ada keistimewaan diberi kepada negeri China dalam soal ini.

## KERETA PENUMPANG—JADUAL MASA

37. **Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Perhubungan menyatakan samada Kementerian beliau akan:

(*a*) membaiki jadual masa bertolak dan tiba keretapi untuk mengelakkan kerugian;

(*b*) membaiki setesyen-setesyen keretapi misalnya dengan mengetarkan di bahagian depan setesyen-setesyen; dan

(*c*) mengkaji mengapa keretapi menanggung kerugian yang banyak tiap-tiap tahun pada hal sebuah teksi dengan seorang pemandu yang boleh membawa empat orang penumpang masih boleh mendapat keuntungan. Keretapi dengan satu atau dua orang pemandu boleh membawa beratus-ratus orang penumpang.

**Tan Sri V. Manickavasagam:**

(*a*) Masa bertolak dan tiba sesuatu terin adalah tertakluk kepada kehendak-kehendak dan permintaan-permintaan dari orang ramai. Terin-terin penumpang khususnya dijalankan mengikut kesenangan kebanyakan orang-orang awam dan jadual-jadual yang diatur tidak sekali-kali membawa kepada kerugian atau kekurangan pendapatan. Walau bagaimanapun Pertadbiran Keretapi telah diminta meneruskan beberapa perkhidmatannya di jalan-jalan cawang dan di Pantai Timur semata-mata untuk memenuhi kehendak-kehendak sosial kerana penduduk-penduduk di sekitar kawasan itu tidak ada cara pengangkutan lain. Dan ada setengah-setengah perkhidmatan yang merugikan tetapi terpaksa diteruskan kerana corak sosialnya.

(*b*) Pertadbiran Keretapi memang ada rancangan memperelokkan platfom-platfom dan kerja-kerja ini sedang dijalankan beransur-ansur.

## EJAAN BAHASA MALAYSIA-INDONESIA—PENYELARASAN

38. **Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar tentang:

(*a*) perjanjian berkenaan dengan ejaan dan bahasa di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Indonesia;

(*b*) kekurangan buku-buku Malaysia atau Indonesia terutama buku-buku yang digunakan di yayasan-yayasan pengajian tinggi.

**Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad):**

(*a*) Saya sedar tentang adanya perjanjian atau persetujuan bersama mengenai penyelarasan ejaan dan perkembangan

bahasa di antara Kerajaan Malaysia dengan Pemerintah Repablik Indonesia.

(*b*) Saya sedar bahawa masih terdapat kekurangan buku-buku asas Pengajian Tinggi, tetapi pihak Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kerjasama daripada pihak Universiti sedang mengusahakan buku-buku yang diperlukan itu.

## HARGA BARANG KEPERLUAN—SIARAN

39. **Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar** minta Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa rakyat jelata terutamanya penduduk-penduduk di luar bandar lambat mendapat penerangan atau pemberitahuan mengenai turun-naiknya harga barang-barang keperluan harian menyebabkan mereka menjadi mangsa pihak-pihak yang mengambil kesempatan dan keuntungan. Jika sedar, adakah Radio dan Talivisyen Malaysia akan menghebahkan dan menyiarkan secara berleluasan turun-naik harga barang-barang keperluan untuk mengelakkan kesusahan rakyat jelata yang menjadi pengguna-pengguna di negara ini.

**Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj):** Harga barang-barang keperluan adalah disiarkan tiap-tiap hari mengikut regional stesyen-stesyen tertentu. Yang susah ialah bila mendapat sumber-sumber itu dari pihak-pihak yang tertentu maka harga-harga yang diberi adalah berlainan dari apa yang boleh didapati di kedai-kedai.

## PELARIAN KHMER

40. **Tuan Haji Zakaria bin Ismail** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada benar bahawa kapal-kapal orang pelarian Khmer yang berlabuh baru-baru ini adalah tanpa pengetahuan Kerajaan, dan jika ya, samada ini menunjukkan kelemahan Kementerian ini.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Kita bukan sahaja mengetahui tentang kapal-kapal itu malah segala isi-isinya sekalipun kita ketahui. Saya berharap Yang Berhormat dari Rantau Panjang itu sendiri tidak lemah semangat.

## MAS—KAPALTERBANG YANG DIGUNAKAN

41. **Tuan Ngan Siong Hing** minta Menteri Perhubungan menyatakan:

(i) jenis kapalterbang yang digunakan oleh MAS untuk kedua-dua penerbangan (*a*) dalam negeri dan (*b*) antarabangsa;

(ii) samada MAS telah memesan kapalterbang-kapalterbang jet jenis Boeing 747, jika ya, berikan bilangannya; dan jika tidak, mengapa; dan

(iii) bilangan kapalterbang-kapalterbang jenis DC-10 yang dipesan oleh MAS baru-baru ini dengan memberikan harga tiap-tiap sebuah kapalterbang itu.

**Tan Sri V. Manickavasagam:**

(i) Sistem Penerbangan Malaysia menggunakan 3 jenis kapalterbang untuk penerbangan-penerbangan dalam negeri iaitu:

(*a*) 4 buah jenis BN2 untuk perkhidmatan di Sabah dan Sarawak.

10 buah jenis F27 untuk penerbangan-penerbangan di Semenanjung Malaysia dan di Sabah dan Sarawak. Jenis B737 untuk penerbangan-penerbangan dalam negeri bagi perjalanan-perjalanan penting misalnya Kuala Lumpur/Pulau Pinang dan Kuala Lumpur/Kota Bharu, dan juga antara Kuala Lumpur/Kuching dan Kuala Lumpur/Kota Kinabalu.

(*b*) Untuk penerbangan-penerbangan antarabangsa MAS menggunakan kapalterbang jenis B737 bagi penerbangan jarak dekat misalnya Kuala Lumpur/Bangkok, Penang/Bangkok dan Kuala Lumpur/Jakarta.

Sementara penerbangan jarak jauh misalnya Kuala Lumpur/London, Kuala Lumpur/Sydney, dan Kuala Lumpur/Hongkong/Tokyo/Taipeh. MAS menggunakan 3 buah kapalterbang jenis B707.

(ii) MAS tidak menempah sebarang kapalterbang jenis B747. Keputusan ini diambil oleh MAS berdasarkan penilaian

yang dibuat selama setahun mengenai jenis-jenis kapalterbang yang besar (widebody aircraft) yang didapati tidak sesuai dengan keperluan perkhidmatan pada masa ini dan kedudukan ekonomi serta juga fakta-fakta operational. Oleh itu kapalterbang jenis B747 adalah difikirkan terlalu besar untuk digunakan oleh MAS secara ekonomi untuk perkhidmatan penerbangan antarabangsa.

(iii) MAS telah menandatangani satu perjanjian janji beli dengan pihak MC Donnell Douglas untuk mendapatkan dua buah kapalterbang jenis DC10-30 kapalterbang pertama yang berharga M$77.5 juta akan tiba pada bulan September 1976 sementara kapalterbang kedua yang akan tiba setahun kemudiannya dengan harga M$86.2 juta. Perjanjian ini tidak termasuk barang-barang ganti dan alat-alat lainnya yang dianggarkan berjumlah M$36 juta. Keseluruhan projek ini dianggarkan menelan belanja sebanyak M$200 juta.

## MERINYU KESIHATAN—PERKHIDMATAN

**42. Tuan Ngan Siong Hing** minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau akan memberi arahan kepada merinyu-merinyu kesihatan di Malaysia memberi perhatian yang lebih kepada kesihatan di luar bandar terutama sekali di kampung-kampung baru, ladang-ladang getah dan kampung-kampung.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Adalah dasar Kementerian saya memperbaiki taraf kesihatan orang ramai yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar samada di kampung-kampung baru, ladang-ladang getah dan kampung-kampung dan bagi melaksanakan dasar ini segala usaha akan dijalankan.

Lebih banyak lagi merinyu-merinyu kesihatan sedang dilatih tiap-tiap tahun dan selepas dilatih lebih banyak lagi perkhidmatan kesihatan dan kebersihan akan dapat diadakan di kawasan-kawasan luar bandar termasuk kampung-kampung baru, ladang-ladang getah dan kampung-kampung.

## MERINYU KESIHATAN—BANGKAI ANJING DI TEPI JALAN

**43. Tuan Ngan Siong Hing** minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau akan memberi arahan kepada merinyu-merinyu kesihatan untuk membuang bangkai-bangkai anjing yang terbunuh akibat kemalangan jalanraya yang tertinggal di tepi-tepi jalan dan lain-lain tempat-tempat awam.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Dukacita saya menyatakan bahawa bukanlah kewajipan merinyu-merinyu kesihatan membuang bangkai-bangkai anjing yang terbunuh akibat kemalangan jalanraya dan tertinggal di tepi jalan serta di lain-lain tempat. Oleh yang demikian, saya tidak dapat mengeluarkan arahan seperti itu.

Saya telah dimaklumkan bahawa bangkai-bangkai seperti itu yang ditinggalkan di tepi-tepi jalan di luar kawasan penguasa-penguasa tempatan adalah menjadi tanggungjawab Jabatan Kerja Raya. Bangkai-bangkai yang tertinggal di kawasan-kawasan dalam penguasa-penguasa tempatan adalah terletak di bawah tanggungjawab pihak pentadbiran penguasa tempatan dan bangkai-bangkai yang tertinggal di lain-lain kawasan adalah menjadi tanggungjawab Pejabat Daerah. Ahli Yang Berhormat adalah dinasihatkan untuk menghubungi pihak-pihak berkuasa yang berkenaan.

## GULA—KENAIKAN HARGA RUNCIT

**44. Tuan Oh Keng Seng** minta Menteri Perdagangan dan Perindastrian menjelaskan kenapa harga runcit gula naik 10 sen sekati baru-baru ini dan kemudian turun 5 sen sekati dalam masa dua minggu dan nyatakan bagaimana Menteri berkenaan menyelaraskan dua harga yang telah diumumkan ini dalam jangka waktu yang pendek.

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Harga gula telah dinaikkan sebanyak 10 sen sekati iaitu dari 60 sen kepada 70 sen sekati pada 23hb Mei, 1975 oleh kerana penapis-penapis gula tempatan terpaksa menghadapi kenaikan kos pengeluaran disebabkan kenaikan harga gula mentah yang diimpot. Selain daripada bekalan gula mentah daripada Australia melalui kontrek jangka-masa panjang yang hanya dapat memenuhi 68% daripada keperluan kita, gula mentah

daripada punca-punca lain adalah perlu diimpot untuk menambah bekalan bagi memenuhi keperluan negara. Harga gula mentah dari punca-punca ini adalah tinggi. Meskipun harga gula itu diluluskan akan tetapi, penapis-penapis gula tempatan telah membeli gula itu terlebih dahulu manakala harganya masih tinggi lagi, kerana kedudukan pasaran gula mentah pada bulan-bulan yang kebelakangan adalah dalam keadaan tak stabil atau "volatile". Dalam keadaan ini pembelian gula mestilah dibuat supaya keperluan negara kita terjamin.

Walau bagaimanapun sebahagian daripada gula mentah yang telah dibeli pada harga yang mahal telah dapat ditunda pengimpotannya dan bagi menggantikan jumlah tersebut penapis-penapis gula tempatan telah dapat membeli gula mentah dari Thailand dengan harga yang rendah sedikit. Dengan tindakan yang demikian beban ke atas penapis-penapis gula tempatan telah dapat dikurangkan hingga harga gula dapat diturunkan sebanyak 5 sen sekati menjadi 65 sen sekati dua minggu kemudiannya. Di samping itu Kementerian saya telah berjaya mengadakan perundingan dengan pembekal gula mentah yang telah dibeli dengan harga yang mahal itu untuk dibawa masuk secara berperingkat bagi meringankan beban ke atas penapis-penapis gula tempatan.

## INDASTRI-INDASTRI DI MALAYSIA

**45. Tuan Ting Ling Kiew** minta Menteri Perdagangan dan Perindastrian menyatakan apakah galakan-galakan yang terdapat untuk menggalakkan penubuhan perdagangan dan indastri-indastri di Sarawak terutama di kawasan-kawasan luar bandar.

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Kerajaan telah menyediakan berbagai galakan-galakan untuk menggalakkan penubuhan indastri-indastri di Malaysia. Sebagai mendorongkan penubuhan perusahaan-perusahaan di kawasan-kawasan yang kurang membangun dan kawasan-kawasan luar bandar, Kerajaan telah mengisytiharkan kawasan-kawasan kurang membangun yang tertentu sebagai "Kawasan-kawasan Pembangunan". Sarawak telah diisytiharkan sebagai "Kawasan Pembangunan" dan indastri-indastri yang ditempatkan di Sarawak adalah layak mendapat galakan-galakan cukai yang lebih menarik dari apa yang telah diberikan kepada indastri-indastri yang ditempatkan di kawasan-kawasan yang telah maju. Jika sesebuah syarikat diberikan Taraf Perintis atau Pelepasan Menggunakan Buruh (Labour Utilisation Relief) atau Kredit Cukai Pelaburan, ianya boleh menikmati pelepasan cukai tambahan selama setahun lagi ataupun tambahan 5% dari Kredit Cukai Pelaburan jika kilangnya ditempatkan di Sarawak.

Bagi mempercepatkan kadar penyebaran indastri-indastri ke kawasan-kawasan yang kurang maju, Kerajaan baru-baru ini telah mengadakan Sekim Galakan Penempatan (Locational Incentives Scheme) dalam mana indastri-indastri yang bertempat di kawasan-kawasan yang ditentukan boleh mendapat sehingga 10 tahun pelepasan cukai. Sarawak telah diisytiharkan sebagai kawasan yang ditentukan, dan indastri-indastri yang bertempat di Sarawak adalah layak mendapat Galakan Penempatan ini.

Walau bagaimanapun, saya ingin menegaskan di sini bahawa peruntukan galakan-galakan cukai tidak semestinya merupakan faktor yang utama bagi mendapatkan pelabur-pelabur untuk mendirikan kilang-kilang mereka di sesuatu tempat. Faktor yang lebih penting ialah untuk menentukan yang sesuatu kawasan yang dirancangkan bagi pembangunan indastri-indastri itu adalah sesuai dari segi jarak dan kemudahan untuk pasaran keluaran kilang-kilang dan dari segi penawaran buruh, di samping adanya kemudahan-kemudahan asas yang baik seperti bekalan tenaga, air, talipon, jalanraya dan sebagainya.

## GULA—KENAIKAN HARGA

**46. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Perdagangan dan Perindastrian menyatakan apakah sebab-sebab utama kenaikan harga gula dan mengapakah ianya diturunkan secara mengejut pada permulaan bulan Jun, 1975.

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Soalan yang sama telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Oh Keng Seng dan jawapan yang jelas telahpun saya beri mengenainya.

## IBU PEJABAT POLIS DAERAH BALING

**47. Datuk Haji Shafie bin Abdullah** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memandang kepada kesempitan dan kesesakan ruang pejabat yang ada sekarang di Ibu Pejabat Polis Daerah Baling, menyatakan samada Kerajaan bercadang hendak memulakan kembali rancangan pembinaan bangunan tambahan Ibu Pejabat Polis Di Raja daerah Baling yang telah terhenti hampir lebih setahun kerana kecuaian pihak kontrektor; jika ya, bila.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Kerja memulakan kembali membina bangunan tambahan Ibu Pejabat Polis daerah Baling yang telah terbengkalai kerana pemborong yang mendapat tender bagi projek itu telah tidak berdaya meneruskan kerja ini akan dibuat tidak lama lagi.

## CADET CORPS

**48. Datuk Haji Shafie bin Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan bercadang hendak menubuhkan atau menggalakkan penubuhan CADET CORPS dalam semua sekolah menengah Kerajaan dalam usaha mendidik kesetiaan penuntut-penuntut terhadap negara dan menanam semangat keberanian di kalangan muda-mudi kita.

**Dr Mahathir bin Mohamad:** Kementerian Pelajaran sememangnya bercadang untuk menubuhkan CADET CORPS yang terdiri samada daripada PASUKAN KADET BERSATU MALAYSIA ataupun PASUKAN KADET POLIS, di semua sekolah-sekolah menengah bantuan penuh. Walau bagaimanapun, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, perlaksanaan cadangan-cadangan ini akan memerlukan perbelanjaan yang besar dan juga akan melibatkan bilangan jurulatih tentera dan polis yang mencukupi. Oleh yang demikian, besar kemungkinan yang cadangan ini tidak dapat dilaksanakan dengan serta-merta.

## SEMBAHYANG JUMAAT BAGI PEKERJA ISLAM DI SWASTA

**49. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada benar pekerja-pekerja Islam yang bekerja dalam sektor swasta tidak dapat sembahyang Jumaat sebab majikan-majikan mereka tidak mahu menukar masa untuk makan tengahari dari pukul 1.00 hingga pukul 2.00 petang kepada suatu masa yang lebih sesuai misalnya dari pukul 12.30 tengahari hingga pukul 1.30 petang dalam mana mereka dapat pergi sembahyang pada hari Jumaat. Jika ya, apa langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk membolehkan pekerja-pekerja Islam ini mengerjakan fardhu Jumaat mereka.

**Datuk Lee San Choon:** Pada umumnya, majikan-majikan di sektor swasta ada memberi waktu kelepasan kepada pekerja-pekerja mereka yang berugama Islam untuk menunaikan sembahyang Jumaat. Pegawai-pegawai Kementerian saya telah menasihatkan majikan untuk berbuat demikian.

Berkenaan dengan sembahyang Jumaat ini, pekerja-pekerja Muslim itu sendiri hendaklah mengambil dayausaha mereka untuk berunding dengan pihak majikan mereka dan jika perlu perkara ini hendaklah dimasukkan sebagai salah satu peruntukan di dalam Perjanjian Bersama. Di sini ingin saya menyatakan bahawa ada setengah-setengah Kesatuan Sekerja yang telahpun memasukkan perkara ini ke dalam Perjanjian Bersama mereka.

Walau bagaimanapun, di dalam beberapa hal yang tertentu mungkin ada majikan-majikan yang masih mengabaikan nasihat-nasihat Kerajaan itu. Saya suka mendapat tahu daripada Ahli Yang Berhormat yang berkenaan, akan nama-nama syarikat tersebut untuk disiasat dan supaya saya dapat berhubung dengan majikan-majikan yang berkenaan untuk merundingkannya.

Oleh kerana memandangkan Ugama Islam ialah Ugama Rasmi negara maka Kementerian saya bercadang untuk mengadakan suatu dasar yang lebih konkrit dan muktamad iaitu sesudah berunding dengan Majlis-majlis Ugama Islam Negeri dan Wilayah.

# RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

## RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT KOPERATIF (PINDAAN DAN PERLUASAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Syarikat Koperatif, 1948, dan bagi memperluaskan kuatkuasa Ordinan itu, sebagaimana dipinda, ke semua bahagian dalam Persekutuan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

# RANG UNDANG-UNDANG

## RANG UNDANG-UNDANG BIL PERBENDAHARAAN (TEMPATAN) (PINDAAN)

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

*3.35 ptg.*

**Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Bil-bil Perbendaharaan (Tempatan), 1946 dibaca bagi kali yang kedua.

Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum iaitu pada bulan September, 1971, Parlimen telah meluluskan suatu pindaan kepada Ordinan Bil-bil Perbendaharaan (Tempatan), 1946 dengan tujuan supaya jumlah Bil-bil Perbendaharaan yang boleh dikeluarkan pada satu-satu masa dinaikkan daripada had berkanun sebanyak $1,000 juta kepada $1,500 juta. Langkah ini telah dilaksanakan untuk menemui kehendak-kehendak bank-bank perdagangan dan institusi-institusi kewangan yang lain untuk memegang harta cair serta juga kenaikan yang dijangka dalam penjualan Bil-bil Perbendaharaan di seluruh Malaysia.

Bank Negara telah melapurkan iaitu perjalanan Bil-bil Perbendaharaan di waktu kebelakangan ini telah menunjukkan dengan jelasnya bahawa had berkanun pada masa sekarang sebanyak $1,500 juta itu perlu dinaikkan untuk membolehkan bank-bank perdagangan dan institusi-institusi kewangan memegang lebih banyak lagi Bil-bil Perbendaharaan, Kerajaan boleh juga menyalurkan wang-wang yang ada di pasaran tempatan bagi penanaman modal jangka pendek dan menyalurkan wang-wang itu untuk pembangunan ekonomi dari segi rancangan pembangunan Malaysia Kedua dan juga keperluan jangkaan bagi rancangan Malaysia ketiga yang sedang disediakan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan sebab-sebab yang dinyatakan itu adalah difikirkan perlu untuk meminda had berkanun itu dan Rang Undang-undang yang dibentangkan di dalam Dewan ini bertujuan untuk mendapat kelulusan bagi meninggikan had berkanun keluaran Bil-bil Perbendaharaan dari $1,500 juta kepada $2,000 juta.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Shariff Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

*3.37 ptg.*

**Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar):** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan dan saya berpendapat apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu amatlah kena pada tempatnya. Saya berpendapat kalau lebih awal daripada ini pun adalah sangat munasabah kerana memandangkan kedudukan kewangan, stagflasi dan sebagainya maka apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri itu amatlah berpatutan dan saya sesungguhnya menyokong dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sama maklum kewangan adalah satu tempat pergantungan bagi manusia ataupun bagi satu-satu rancangan, maka Perbendaharaanlah yang menjadi satu tempat pergantungan kepada semua Kementerian-kementerian khasnya, dan negeri-negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya biasa dengar rungutan-rungutan kalaulah kita minta satu-satu rancangan, ada setengahnya menyatakan bagi pihak kami tidaklah berat sangat untuk meluluskannya, tetapi tersangkut dalam Perbendaharaan. Dengan lulusnya Rang Undang-undang ini saya berharap kepada Perbendaharaan pada masa-masa yang akan

datang satu-satu rancangan atau satu-satu projek yang dibuat oleh Kementerian ataupun khasnya negeri-negeri terutama sekali Perlis satu negeri yang kecil yang selalu kekurangan kewangan mintalah dicepatkan sedikit, sebab kita sama-sama tahu kadang-kadang rancangan itu kalau tidak tergendala ataupun tidak kena pada musim yang berkenaan haruslah rancangan itu tidak dapat pada tahun yang berkenaan, maka dengan sebab itu terpaksalah diminta pada tahun yang akan datang. Misalnya, saya contohkan di Perlis setahu saya pada tahun ini peruntukan yang dapat untuk projek-projek pembangunan luar bandar pada satu kawasan ialah $4,000.

Dan setahu saya peruntukannya adalah $12,000 boleh jadi kita juga kekurangan dari segi kewangan ataupun pihak Perbendaharaan tidak hendak memproseskan dengan seberapa cepat dan banyaklah rancangan lain yang saya tengok tidak dapat hendak dijalankan dengan baik dengan sebab kekurangan wang ataupun payah dapat sampai kepada projek yang tersebut. Dengan sebab itu, saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan biarlah satu-satu rancangan yang akan dijalankan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri atau di mana-mana sahaja mendapat seberapa cepat wang yang telah diperuntukkan, jangan berlaku sebagaimana selalu kita dengar dan biasa saya dengar juga, pihak Ketua-ketua Kerajaan Negeri, tidak payahlah saya sebutkan nama-namanya, biasanya sebagaimana saya katakan tadi kadang-kadang rancangan kita tergendala disebabkan tersangkut pada Perbendaharaan. Dan yang sedihnya, kata mereka bukanlah tersangkut ini disebabkan wangnya tidak ada, tetapi prosesnya terlampau cerewet, kata orang satu persatu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Proses tidak bersangkut pada Perbendaharaan. Kalau hendak minta rancangan, pergilah kepada Kementerian yang tertentu, Perbendaharaan beri duit sahaja. Jadi, ucapan Yang Berhormat melarat sedikit, pergi kepada peruntukan yang tidak bersangkut dengan Bil ini. Yang Berhormat Menteri hendak menjawab?

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, saya belum habis lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tetapi kalau melarat, saya larang, kerana tidak kena pada tempatnya itu. Ucapan Yang Berhormat tadi selama tiga empat minit melarat tidak bersangkut-paut dengan masaalah ini, tetapi saya hendak dengar apa dia kehasilan daripada hujah-hujah itu. Ini hendak menuduh prosesnya lewat, itu tidak bersangkut dengan Bil ini. Ini hanya hendak memberi kuasa kepada Perbendaharaan dapat mengeluarkan treasury Bill dengan tambahan lebih $500 juta lagi, itu sahaja.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, dengan itu sekali lagi saya menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Kementerian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

*3.42 ptg.*

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun Ahli Yang Berhormat dari Kangar tidak ada memberi pandangan atas Bil ini, elok juga saya tegaskan di sini bahawa Kementerian saya sedar iaitu negeri-negeri yang tidak berada patut diberi keutamaan apabila ia tidak ada diberi peruntukan untuk projek-projek yang tertentu. Dengan ini jika sekiranya Kerajaan Negeri ada projek yang boleh dikatakan viable, projek-projek itu patut dikemukakan kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan supaya Kementerian itu bolehlah berunding dengan pihak saya untuk mendapatkan peruntukan, jika sekiranya projek itu dianggap sebagai viable projek.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 2* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG KUMPULANWANG DISATUKAN (PERBELANJAAN MASUK AKAUN)

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*3.46 ptg.*

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa "Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun perkhidmatan yang berakhir pada tiga puluh satu haribulan Disember, 1976" dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk mendapatkan kebenaran sementara bagi perbelanjaan Kerajaan bagi tiga bulan pertama tahun 1976 sehingga Rang Undang-undang Perbekalan, 1976 diluluskan oleh kedua-dua Dewan dan mendapat Persetujuan Di Raja pada tahun hadapan. Peraturan ini adalah mengikut Perkara 102 (*a*) Perlembagaan Persekutuan.

Rang Undang-undang ini ialah untuk membenarkan pengeluaran daripada Kumpulanwang Disatukan jumlah wang sebanyak $1,002,990,010 dianggarkan mustahak bagi perkhidmatan Kerajaan untuk tempoh tiga bulan yang pertama dalam tahun 1976. Jadual kepada Rang Undang-undang ini menyediakan peruntukan-peruntukan bagi perkhidmatan-perkhidmatan tertentu untuk masa itu tetapi tidak termasuk Kepala Bekalan 62—Jabatan Talikom yang akan dibiayai oleh sumber-sumbernya sendiri mengikut Bahagian 11A Akta Talikom, 1950. Perbelanjaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini tidak termasuk perbelanjaan tanggungan yang sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, tidak dikehendaki oleh Rang Undang-undang Perbekalan tahunan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Paul Leong Khee Seong:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

*3.48 ptg.*

**Dr Tan Chee Khoon (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bercakap sedikit tentang Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dan di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Huraian di sini kita diberitahu oleh kerana Rang Undang-undang Perbekalan bagi tahun 1976 tidak akan diluluskan oleh Parlimen sehingga dalam bulan Januari, 1976 maka perlulah dibuat peruntukan perbelanjaan dalam tahun 1976 bagi tempoh dari 1hb Januari, 1976 hingga tarikh Rang Undang-undang Perbekalan bagi tahun itu menjadi Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa perbahasan untuk perbelanjaan pada tiap-tiap tahun telah diadakan pada hujung tahun. Dan pada hujung tahun di tanahair kita ada barangkali bulan Puasa, Hari Raya Puasa, Christmas dan dengan sebab itu kita sedar perbelanjaan untuk tiap-tiap tahun tidak boleh diluluskan oleh Parlimen, dan oleh itu wang yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dikehendaki oleh Kerajaan.

(*Dengan izin*) The financial year coincides with the calendar year. Because it involves the processing of the various bids by the various Ministries and because the Supply Bill cannot be passed by Parliament before the end of the year, therefore there is this request by the Treasury for expenditure for the three months of the following year to be passed now.

Now may I suggest to the Honourable Deputy Minister of Finance that, instead of making the financial year coincide with the calendar year, it would be neater, and indeed from the Treasury's point of view better, if the financial year is made to start from the 1st of July every year and end on the 30th of June the following year. This has several advantages, Mr Speaker, Sir. It will give the Treasury, when it presents the Budget, a complete and up-to-date set of accounts for the previous year. At the moment now the Minister of Finance in his Budget Speech makes various guesses. Most of them are right, no doubt they are true, but quite a number of them are wrong and this is only human; and the Minister is not a superman, he is only human, and he is bound to make mistakes despite all the expert advice that he can get and despite all the best computers that he can get. Therefore, if the financial

year were changed to 1st July, six months later than the end of the year, then he will have a more comprehensive—I won't say a complete set—set of figures to guide him when he makes his Budget proposals. The other advantage, of course, is that we would then not have the necessity of the Minister coming to this House to ask for a three month's provision in advance.

Mr Speaker, Sir, this proposal of mine is not as revolutionary as some may think. Quite a number of countries practise it. In the United States of America, for example, I think the financial year starts from 1st July and likewise a lot of other countries have the same practice. I commend this, Mr Speaker, Sir, to the Deputy Minister of Finance and through him to the Treasury so that, perhaps, in respect of the Budget for 1977, he can change the financial year starting from 1st July 1977 to 30th June, 1978.

*3.54 ptg.*

**Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah):** Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong sepenuhnya di atas Rang Undang-undang ini. Kami berharap dengan adanya peruntukan perbelanjaan dalam tahun 1976 seperti dikehendaki ini, maka segala Kementerian yang berkenaan dapat membuat satu persediaan dan tidak teragak-agak hendak menggunakan perbelanjaan bagi kepentingan rakyat dan negara supaya segala urusan dan tindakan pentadbiran tidak di luar garis dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Di sini ingin saya menyentuh dengan seberapa ringkas mengenai Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak yang mendapat peruntukan sebanyak $44,275.00.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat . . . . .

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Standing Order . . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya baru hendak menarik perhatian Ahli Yang Berhormat dari Mukah. Sila ambil perhatian perbahasan itu tidak ada kena-mengena dengan Rang Undang-undang ini.

**Tuan Latip bin Haji Dris:** Baik, Tuan Yang di-Pertua. Dari peruntukan yang sebegitu banyak Rang Undang-undang ini dari segi pihak Kerajaan Pusat mahupun Kementerian Pelajaran adalah sentiasa mengambil perhatian bagi pelajaran rendah dan menengah di Sarawak. Oleh itu, dengan peruntukan yang ada saya harap . . . . .

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, menurut Peraturan Majlis Mesyuarat 68A (1), perbahasan atas Rang Undang-undang ini tidak boleh termasuk perkara-perkara dasar dan tadbir Kerajaan atau tujuan-tujuan perbelanjaan itu.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Itu betul. Itulah sebabnya saya menarik perhatian sekarang ini supaya jangan diteruskan. Tapi jika diteruskan juga, Ahli Yang Berhormat tidaklah boleh bercakap lagi.

**Tuan Latip bin Haji Dris:** Baik, supaya tidak lagi murid-murid yang malang itu dengan adanya juga . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ini diteruskan juga. Ini bermakna meneruskan ayat terdahulu daripada itu. Ini tidak kena. Sudah dihuraikan di dalam Rang Undang-undang ini tujuannya hendak diluluskan.

**Tuan Latip bin Haji Dris:** Kalau begitu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri jemput menjawab.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang memberi pandangan yang berfaedah jika sekiranya kita tukar perbelanjaan tahunan kita sekarang ini. Sebenarnya, Kerajaan baharu sahaja mengkaji perkara ini dan mengambil keputusan bahawa financial year yang ada sekarang ini adalah sesuai dengan keadaan kita. Saya minta izin memberi jawapan ke atas pandangan ini dalam bahasa Inggeris oleh kerana ada sedikit technical.

(*Dengan izin*) As a matter of fact, Sir, we have looked into the question as to whether or not we could change the financial year, say, from April to March, or, as suggested by the Honourable Member for Kepong, from July to June. But this does not take away the problem, because we still have to finish the accounts in twelve months and whether we do it in April or in July, we still will have to

wait for the completion of twelve months for the accounts. Having looked into all these factors, we decided that it may be the least difficult if we were to maintain the present financial year although, of course, I do realise, as the Honourable Member for Kepong has said, that the end of the year is not a particularly good time for the presentation of the Budget because of the intervention of various public holidays and so on. But as circumstances now stand, we will continue with this practice until such time as we feel that it may be better for us to meet these changed circumstances by changing the financial year.

I would like to thank the Honourable Member for Kepong nonetheless for having appreciated some of the difficulties we face in getting the accounts completed for a year, and this is the reason why we have to come to this House for approval for a vote on account for the first three months of next year.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 dan 2* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG KASTAM (PINDAAN)

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

*4.00 ptg.*

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi meminda Akta Kastam, 1967" bagi dibaca kali yang keduanya.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah bagi meminda Akta Kastam, 1967 bagi memperbaiki peruntukan-peruntukan di dalam Akta ini berkaitan dengan perkara-perkara seperti berikut:

(*a*) Perkara-perkara berkaitan dengan kawalan kastam dan pungutan hasil,

(*b*) Bagi mengkaji dan memperbaiki peruntukan-peruntukan di dalam Akta berhubung dengan kuasa-kuasa memulang harta-benda yang telah dirampas oleh Kastam sebelum sesuatu pendakwaan diselesaikan.

Cadangan yang pertama adalah melibatkan pindaan kepada Seksyen-seksyen 2, 17, 26 dan 142 Akta Kastam, 1967 dan juga peruntukan-peruntukan baru seksyen-seksyen 165B dan 111A. Cadangan yang kedua melibatkan pindaan-pindaan kepada seksyen 115 dan 127 dan pemansuhan seksyen kecil (7), seksyen 114 dan satu peruntukan baru seksyen 115A.

*Seksyen 2—*

Di bawah Akta Kastam, 1967 tidak ada didapati tafsiran bagi perkataan "pengilangan" ataupun (manufacture) oleh kerana Kastam hanya mengendalikan perkara-perkara berkaitan dengan impot dan ekspot. Dalam tahun 1973 sebagai satu langkah untuk menggalakkan perusahaan berhala-ekspot, Kerajaan telah membenarkan syarikat-syarikat menjayakan aktiviti pengilangan dalam gudang pengilangan berlesen bagi tujuan mengeluarkan barang-barang untuk ekspot dan oleh itu seksyen 65, Akta Kastam, telah dipinda untuk membolehkan gudang-gudang berlesen ditubuhkan. Pada masa itu, perkataan "pengilangan" tidak ditafsirkan. Peluang ini adalah sekarang diambil untuk mentafsirkan perkataan ini dalam Akta. Tafsiran ini termasuklah semua jenis pengilangan dan ia adalah sama dengan tafsiran di dalam Akta Cukai Jualan, 1972.

*Seksyen 17—*

Seksyen 17 memperuntukkan kuasa kepada Jabatan Kastam bagi mengutip sebarang cukai atau memulangkan balik sebarang cukai yang telah terlebih dibayar dalam tempoh setahun. Tempoh ini difikirkan tidak mencukupi oleh kerana bilangan ikrar-ikrar cukai impot yang diterima oleh Jabatan Kastam telah bertambah. Oleh kerana kerja-kerja Kastam telah bertambah banyak dalam

beberapa tahun yang lalu maka adalah perlu Jabatan Kastam diberi masa yang cukup untuk memeriksa ikrar-ikrar impot ini dengan sempurna supaya dapat menjaga keselamatan hasil. Oleh itu adalah dicadangkan supaya tempoh ini dilanjutkan daripada setahun ke tiga tahun. Pindaan ini adalah selaras dengan peruntukan-peruntukan dalam Akta Cukai Jualan, 1972 dan Akta Cukai Pendapatan, 1975.

*Seksyen 23—*

Seksyen 23 memperuntukkan bahawa kapal-kapal atau perahu-perahu yang dilesen di Malaysia dan Singapura bagi tujuan menangkap ikan boleh mendarat di mana-mana tempat yang sah dengan tiada dikenakan apa-apa syarat oleh Kastam. Tujuan pindaan ini ialah untuk mengenakan syarat-syarat kepada kapal-kapal atau perahu-perahu yang didaftarkan di Singapura bagi tujuan menangkap ikan supaya selaras dengan peruntukan-peruntukan dalam seksyen 39 di mana kapal-kapal bagi menangkap ikan daripada Singapura adalah dikehendaki untuk memenuhi kehendak-kehendak mengenai pelepasan daripada pelabuhan dan mengemukakan dokumen-dokumen tertentu kepada Jabatan Kastam sebelum meninggalkan pelabuhan-pelabuhan di Malaysia.

*Seksyen 26—*

Seksyen 26 memperuntukkan bahawa barang-barang tidaklah dimuatkan atau dimasukkan dalam perahu daripada satu tempat ke satu tempat lain dalam perahu daripada satu tempat ke satu tempat lain dalam Persekutuan melainkan di tempat mendarat yang sah. Pindaan yang dicadangkan dalam seksyen 26 ialah untuk menentukan bahawa pemindahan semua barang-barang untuk ekspot hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Jabatan Kastam sebelum barang-barang tersebut dimuatkan untuk dipindah atau diangkut. Pindaan ini ialah untuk menyelaraskan peruntukan ini dengan peruntukan dalam seksyen 23 (1) (*b*) di mana kebenaran Kastam adalah juga dikehendaki mengenai pendaratan semua barang-barang impot ke dalam Persekutuan.

*Seksyen-seksyen 65 B dan 55 C—*

Seksyen-seksyen baru ini ialah mengenai tanggungjawab seorang pelikidasi atau seorang penerima bagi sebuah syarikat yang sedang dalam proses penggulungan dan adalah dimasukkan semata-mata untuk menentukan cukai-cukai kastam adalah dibayar sebelum syarikat itu akhirnya ditutup atau digulung. Peruntukan-peruntukan ini adalah sama dengan peruntukan-peruntukan dalam Akta Cukai Jualan, 1972 dan Akta Cukai Pendapatan, 1975.

*Seksyen baru 111A—*

Sekarang ini pegawai-pegawai Kastam tidak mempunyai kuasa yang sah untuk mengadakan sekatan jalan di bawah Akta Kastam, 1967 untuk tujuan memeriksa pengelakan cukai. Sekatan-sekatan jalan hanya boleh diadakan dengan pertolongan Polis apabila dikehendaki. Peraturan seperti ini tidaklah memuaskan dan oleh itu adalah dicadangkan supaya kuasa diberi kepada Kastam supaya tindakan-tindakan bagi menghapuskan penyeludupan dapat diadakan dengan lebih sempurna.

*Seksyen 115, 127 Seksyen kecil (7), Seksyen 114 dan Seksyen baru seksyen 115A—*

Seksyen 115 memperuntukkan bahawa seseorang pegawai kastam yang kanan boleh dengan budibicaranya memulangkan kenderaan-kenderaan, kapal-kapal atau kapal-terbang kepada tuan punyanya bagi sementara waktu di atas cagaran yang memuaskan dan kenderaan-kenderaan itu diserah kembali kepada pihak kastam apabila diminta. Kuasa ini telah dianggap tidak mencukupi memandangkan kepada beberapa jenis barang yang telah dirampas berkaitan dengan kesalahan-kesalahan di bawah Akta Kastam. Mengikut peruntukan undang-undang sekarang, barang-barang seperti yang dimaksudkan kecuali kenderaan-kenderaan, tidak boleh dipulangkan kepada tuan-tuan punyanya sehingga pendakwaan diselesaikan. Ini telah membangkitkan masaalah kepada Jabatan Kastam yang bertanggungjawab di atas penyimpanan barang-barang itu dan mengadakan tempat-tempat simpanan yang mencukupi. Di dalam separuh-separuh kes pula, penyimpanan barang-barang itu telah mengakibatkan kesusahan kepada orang-orang awam yang telah memperolehi barang-barang yang tidak dibayar duti kastam. Seterusnya separuh barang-barang yang disimpan boleh rosak sehingga tidak berguna kepada pihak yang menuntut. Dengan itu adalah dicadangkan supaya seksyen 115 digantikan dengan

seksyen baru yang lengkap di atas perkara pemulangan dan pelupusan harta-benda. Seksyen 115 baru itu telah dibentuk bagi meliputi semua jenis harta-benda yang boleh dipinda samada ianya menjadi perkara kesalahan ataupun telah digunakan di dalam satu-satu kesalahan;

(i) Di bawah seksyen kecil 1, seksyen 115 baru itu, seorang pegawai kastam yang kanan adalah diberi kuasa budibicara untuk memulangkan barang-barang itu kepada orang-orang yang tertentu di atas jaminan barang-barang itu diserahkan semula di atas permintaan pegawai kastam yang berkenaan. Sebaliknya pula di dalam satu-satu kes yang berpatutan, seorang pegawai kastam kanan diberi kuasa untuk memulangkan barang-barang itu kepada orang-orang yang berpatutan dengan kebebasan kepada orang itu melupuskan harta-benda itu dengan cagaran yang diberi dengan nilai yang sama dengan harga pasaran terbuka bersama dengan duti-duti kastam yang terlibat bagi harta-benda itu, termasuklah apa-apa cukai seperti cukai jualan atau pun mana-mana cukai di bawah apa-apa undang-undang yang lain.

Seksyen kecil ini juga membolehkan seseorang pegawai kastam untuk menjual atau memusnahkan, yang mana berpatutan, harta-benda yang senang rosak ataupun yang mana boleh merosot pada mutunya atau nilainya, ataupun harta-benda di dalam bentuk binatang, burung-burung, ikan, ataupun apa-apa haiwan yang hidup.

(ii) Seksyen 115 baru itu adalah juga mengandungi seksyen-seksyen kecil yang lain yang mana dianggap perlu supaya membolehkan perjalanan kuasa yang licin oleh seorang pegawai kastam berkaitan dengan kuasa memulangkan harta-benda, seperti seksyen kecil 2 yang mana menjadikan satu kesalahan bagi seseorang itu sekiranya apabila telah dipulangkan barang-barang itu kepadanya kemudiannya gagal untuk menyerahkan harta-benda itu di atas permintaan seseorang pegawai kastam, ataupun orang itu tidak mematuhi ataupun bertelingkah dengan syarat-syarat yang telah dikenakan kepadanya.

(iii) Memandangkan bahawa pemulangan barang-barang bersabit dengan satu-satu pendakwaan jenayah sebelum kesnya diselesaikan akan membangkitkan beberapa masaalah berkaitan dengan perkara mengemukakan bukti-bukti yang cukup di dalam kes jenayah itu maka satu peruntukan telah dimasukkan sebagai seksyen 115A bagi membolehkan sijil-sijil yang dikeluarkan oleh kuasa-kuasa yang tertentu di atas barang-barang yang dipulangkan, dijual atau dimusnahkan, boleh digunakan di bawah kuasa-kuasa baru, bahawa sijil-sijil itu adalah bukti yang boleh diterima dan sah dan tidak boleh dipertelingkahkan hanya di atas sebab barang-barang yang telah dipulangkan tidak dapat dikemukakan kepada mahkamah.

(iv) Memandangkan kepada seksyen 115 baru seperti yang dicadangkan itu adalah mencukupi bagi tujuannya maka adalah seterusnya dicadangkan seksyen kecil (7), seksyen 114 dimansuhkan.

(v) Seterusnya adalah juga dicadangkan seksyen 127, dipinda bagi menghendakkan mahkamah melucut hasil-hasil dari penjualan atau wang yang diperolehi daripada barang-barang yang mungkin telah dijual atau dipulangkan langsung di bawah satu bon jika sekiranya pendakwaan di mahkamah dapat dibuktikan.

(vi) Memandangkan juga luasnya kuasa budibicara yang diberi kepada seseorang pegawai kastam yang kanan sebagaimana diterangkan terdahulu, seksyen kecil 5, kepada seksyen 115 yang baru itu juga memberi kuasa kepada Menteri, untuk memberi arahan pada amnya ataupun pada satu-satu kes yang tertentu ataupun di atas satu-satu jenis kes yang tertentu berhubung dengan kuasa-kuasa yang telah diberi kepada seseorang pegawai kastam yang kanan di bawah seksyen kecil 1, seksyen 115.

Seksyen 142 memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan bagi tujuan melaksanakan cara-cara bagi mengutip cukai-cukai kastam. Oleh kerana seksyen baru 65 mengenai gudang pengilangan berlesen telah diadakan dalam Akta ini dalam tahun 1973 dan juga cadangan seksyen baru 111A mengenai kuasa

bagi mengadakan sekatan jalan maka adalah sekarang perlu diberi kuasa kepada Menteri untuk mengadakan peraturan-peraturan tertentu untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan baru ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini barangkali ingat bahawa dalam mesyuarat Parlimen yang lalu, saya telah memberi pangakuan bahawa Kementerian Kewangan akan mengulangkaji peruntukan-peruntukan dalam Akta Kastam khasnya mengenai penahanan kereta-kereta yang terlibat dalam kes kastam supaya pemilik-pemilik kereta ini tidak mengalami kesusahan terutama sekali dalam kes-kes yang mana mereka tidak mengetahui bahawa mereka memiliki kereta-kereta yang telah dipasang atau diimpot secara haram. Beberapa pindaan yang dicadangkan sekarang adalah hasil daripada ulangkaji tersebut dan saya percaya pada masa hadapan masaalah-masaalah yang sama tidak akan timbul lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

*4.17 ptg.*

**Tuan Lim Cho Hock (Ipoh):** (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, this Bill gives a lot of powers to the Customs officers, for instance, to set up road blocks, seize goods and so forth. As these Customs officers are enforcement officers, it is very important that the Government ensures that the officers must be men of high moral standards and men of integrity and honesty. Mr Speaker, Sir, furthermore, I hope the Customs Officers will exercise discretion in cases where goods detained are perishable or the goods detained are too bulky for the Government to put into safe custody; these goods should be released without causing too much difficulty to the owners of these goods by providing some sort of security. Moreover, in the case of the goods detained by the Customs a detailed list of the goods detained should be given to the owners concerned or to the persons transporting the goods. Very often, Mr Speaker, Sir, we hear of goods detained and later returned minus a lot of things. Like, in the case of a truck or a car detained, later on the spare tyre or some lamps are missing and so forth. Therefore, just to give a list of goods detained, like "vehicle number such and such" is not sufficient. I think the list should also include details of the vehicle detained or details of the goods concerned—for instance, the year of make of the vehicle, tyres are, say, 70% still good to be used, 20% used and so forth and then new lamps fixed here and there. A detailed list of goods should be given to the owners concerned and not just a general statement like "a vehicle," or "a few bags of durians", because after a few days the number of durians returned may be less. So it is very important to give a detailed account of the goods detained.

Furthermore, Mr Speaker, Sir, in cases coming up in court, invariably the court orders confiscation of the goods concerned and then makes an order that the Police dispose of the goods, but we do not know what happens when the order is given to the Police to dispose of the goods. Actually will the Police destroy the goods or will the Police auction the goods or keep them somewhere, we do not know. I think the public have got a right to know what happens after the order of confiscation is made by the court: either they are disposed of or burned. Particularly in the case of narcotics, are they burned? Are they destroyed? Or are they being used by our Chemistry Department for Hospitals to give out to the patients for certain ailments?

Therefore, I think there should be a report, if the court has made an order that the goods be disposed of by the Police, and a statement be made public or published in the gazette as to what happens to the goods ordered to be confiscated or to be disposed of by the Police.

*4.23 ptg.*

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang):** Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya saya menyokong pindaan-pindaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, namun demikian ada beberapa perkara yang saya suka memberi pandangan dan ada juga beberapa perkara . . . . .

**Tuan Oh Keng Seng:** Quorum tidak cukup.

(*Locing dibunyikan*: *Ahli-ahli dikira, lebih dari 26 hadir*)

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sila teruskan.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Saya suka mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah membawa pindaan-pindaan ini. Walau bagaimanapun, ada beberapa perkara yang agak meragukan di dalam pindaan ini yang saya akan sentuh sebentar lagi.

Satu perkara yang menarik perhatian saya ialah Yang Berhormat Timbalan Menteri membawa pindaan-pindaan yang begitu banyak sekali di dalam satu pindaan. Saya sungguh-sungguh berharap di masa-masa yang akan datang biarlah pindaan itu dibawa apabila berlaku sesuatu perkara dan untuk mengatasinya itu perlu undang-undang dipinda, maka bawalah pindaan itu mengikut keperluan, janganlah dikumpulkan segala perkara-perkara yang lemah itu kemudian dipilih suatu masa untuk mengemukakannya dan seluruh pindaan-pindaan yang telah dikumpulkan itu dibawa sekali gus sepertimana nampaknya berlaku di dalam pindaan ini yang mana begitu banyak sekali pindaan-pindaan yang berlainan sekali dibawa dengan secara sekali gus.

Yang kedua, kuasa yang diberi nampaknya di dalam pindaan ini kepada Pegawai-pegawai Kastam begitu luas, begitu banyak dan begitu mendalam, mungkin agaknya kuasa-kuasa ini terpaksa diberi untuk menjalankan dengan berkesan tugas-tugas yang telahpun diperturunkan kepada pegawai-pegawai ini, tetapi saya sungguh berharap bahawa kuasa-kuasa yang begini luas yang diberi hendaklah digunakan dengan bijaksana oleh mereka yang menerima kuasa-kuasa yang begini besar. Saya hanya suka menyentuh satu dua contoh sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Yang pertama, ialah soal kuasa yang diberi untuk pegawai-pegawai yang berkenaan untuk mengadakan road-block. Di masa ini pegawai-pegawai ini diberi kuasa untuk mengadakan road-block tetapi dengan kerjasama pihak Polis. Dengan pindaan-pindaan yang sekarang ini road-block boleh didirikan tanpa kerjasama Polis dan ini pada pendapat saya sekiranya tidak dijalankan dengan penuh bijaksana boleh mendatangkan banyak public inconvenience, boleh menimbulkan banyak perkara-perkara yang tidak diingini, lebih-lebih lagi di dalam keadaan sekarang apabila kita selalu membaca di akhbar-akhbar, rompakan berlaku di highway (highway robbery). Banyak berlaku dengan cara kereta-kereta ditahan. Oleh kerana pihak Polis mungkin tidak akan berserta ataupun tidak hadir semasa road-block yang diadakan oleh Pegawai-pegawai Kastam yang berkenaan, mungkin pihak-pihak awam kurang mendapat penentuan samada road-block yang diadakan oleh Pegawai-pegawai Kastam yang berkenaan adalah road-block yang sah ataupun road-block yang diadakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dan tidak diberi kuasa. Ini akan menimbulkan keraguan daripada pihak orang ramai, lebih-lebih lagi sekiranya road-block ini diadakan di waktu malam dan di jam yang agak sunyi-sunyi, katalah, jam 12.30 malam. Saya percaya ini tentu pemandu-pemandu kereta akan ragu-ragu samada mereka hendak berhenti atau tidak mahu berhenti apabila ada road-block yang mana tidak dihadiri oleh Pegawai-pegawai Keselamatan, samada Polis, tentera, askar wataniah dan sebagainya. Ini satu perkara yang saya suka hendak menarik perhatian kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan.

Satu lagi contoh yang saya suka hendak beri berkenaan dengan perkara yang luas, kuasa luas yang boleh menimbulkan sedikit-sebanyak kesulitan daripada pihak awam ialah satu lagi kuasa iaitu kuasa mengeluarkan sijil. Mengikut Clause 10 Seksyen baru 115A telahpun diminta untuk diluluskan dan di bawah Seksyen 115A ini, Tuan Yang di-Pertua, maka dengan keluarnya satu sijil daripada analyst, maka sijil ini, apa yang tercatit di dalam sijil itu akan menjadi bukti dan tandatangan analyst yang telah menurunkan tandatangan itu tidak payah lagi diproof, tidak payah lagi dibuktikan, mencukupi tandatangan itu ada dan apabila tandatangan itu diturunkan bahawa segala-segala yang tercatit di dalam sijil itu adalah menjadi evidence, sijil itu adalah menjadi bukti. Apa yang saya khuatir ialah mungkin pihak analyst itu tidak akan hadir untuk disoal di atas apa yang telah diturunkannya di dalam sijil itu. Jadi sekiranya pihak analyst itu tidak hadir untuk di cross-examine, untuk disoal di atas analyst yang telah dibuatnya ini sudah tentu akan menimbulkan suatu keadaan yang agak kurang adil dari segi pihak yang ini untuk membela seseorang

yang telah dituduh. Apa yang saya maksudkan ialah mungkin dengan adanya pihak analyst itu hadir untuk di cross-examine, maka mungkin agaknya banyak soal-soal yang boleh dikemukakan kepadanya dan ini boleh mendatangkan keadilan yang sebaik-baiknya. Sebaliknya, sekiranya sijil itu sahaja diproduce, diutarakan tanpa kehadiran pihak yang menurun tandatangan apa yang dibuat ini mungkin akan menimbulkan masaalah yang besar kepada pihak yang memberikan pembelaan.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu lagi perkara yang saya suka hendak menyentuh ialah Clause 9, berkenaan dengan kuasa-kuasa forfeiture, kuasa yang diberi kepada pegawai-pegawai berkenaan untuk menjual atau mendispose barang-barang yang telah diambil olehnya berkenaan dengan kesalahan Akta Kastam. Ini juga satu perkara yang begitu luas yang diberikan kepada pihak yang berkenaan. Saya juga berharap bahawa kuasa yang diperturunkan sepertimana yang dipinta di bawah Clause 9 ini akan dapat dijalankan dengan penuh budibicara.

Saya amat bergembira sekali dengan adanya kuasa yang diberikan kepada pihak Menteri supaya kalaulah ada pihak-pihak yang kurang puashati dapat merayu. Saya sungguh-sungguh berharap kalau ada rayuan-rayuan berkenaan dengan perkara itu yang dikemukakan kepada Yang Berhormat Menteri, maka dapatlah pandangan yang sewajarnya diberi dan apa-apa juga kes yang dikemukakan dapat diberikan dengan pandangan yang penuh simpati sekali. Tetapi apa yang mendukacitakan ialah berkenaan dengan Pecahan-kecil 6, saya sentuh soal Clause 9, masih Clause 9, iaitu berkenaan dengan Seksyen 115 (2) (6) yang mana ia menyatakan di sini:

"Return or disposal of movable property.

115. (2) (6) No person shall be entitled to maintain any action on account of any act done or any decision taken by or on behalf of the Minister or by or on behalf of a senior officer of customs under this section, and no court shall have any jurisdiction to entertain any such action."

Ini adalah suatu pindaan yang telah menarik kuasa mahkamah untuk menimbangkan sesuatu yang mungkin akan berlaku yang difikirkan tidak adil oleh sesuatu pihak. Pecahan-kecil 6 ini saya fikir kurang wajar, dengan itu saya fikir biarlah saluran ke mahkamah diwujudkan, diteruskan juga supaya mana-mana pihak yang kurang puas hati, yang mana tak puas hati dengan sesuatu tindakan di bawah Seksyen 115 ini boleh membawanya ke mahkamah dan terpulanglah kepada mahkamah untuk menurunkan sesuatu keputusan yang adil. Tetapi dengan adanya Pecahan-kecil 6 ini mahkamah tidak diizinkan, tidak diberikan kuasa untuk mengadili sesuatu perkara yang mungkin difikirkan tidak adil oleh pihak yang aggrieved itu, dan ini pada fikiran saya kurang sesuai dan terpulanglah kepada kebijaksanaan Yang Berhormat Timbalan Menteri memikirkannya. Saya fikir biarlah undang-undang itu diadakan, tetapi jangan kita sekat, jangan kita potong hubungan rakyat dengan mahkamah. Ini adalah suatu yang dikatakan retrogressive law, amat retrogressive sekali dengan makna mahkamah tidak diberikan kuasa untuk mengadili sesuatu perkara yang mungkin menjadi punca kurang puas hati kepada pihak yang berkenaan. Ini contoh-contoh sahaja, Tuan Yang di-Pertua, maka dengan ini nyatalah pada saya sepertimana yang saya telah nyatakan tadi kuasa dalam Akta yang dipinta untuk pindaan ini begitu besar, begitu luas sekali. Namun demikian, sepertimana saya katakan tadi saya memberi sokongan sepenuhnya pada keseluruhannya, kerana saya fikir mungkin agaknya kuasa-kuasa yang besar ini perlu untuk memberi kesan kepada tindak-tanduk mereka yang berkenaan. Tetapi saya ingin menegaskan sekali lagi di dalam menjalankan kewajipan dan tugas-tugasnya yang diperturunkan menerusi kuasa-kuasa yang dipinta melalui pindaan ini, berjaga-jagalah, berawas-awaslah dan gunakanlah budibicara (discretion power) bagi pegawai-pegawai berkenaan supaya jangan mendatangkan ketidak-adilan kepada pihak-pihak yang berkenaan, biarlah justice, biarlah keadilan itu benar-benar dilihat oleh semua pihak yang berkenaan.

*4.36 ptg.*

**Tuan Chin Hon Ngian (Rengam):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong penuh pindaan yang dikemukakan pada petang ini dan di sini saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I welcome wholeheartedly the amendment which has been brought to this august House this

afternoon, especially with regard to Section 115 which empowers a Senior Customs Officer to return movable property to the owner or to persons from whose custody, possession or control the movable property was seized. Tuan Yang di-Pertua, as a member of the Bar practising for many years and involved in many Customs cases at Johore Bahru, I feel very happy that this Section is being included. However, I wish to point out that although this is as a result of many representations made to the Customs authority, I must emphasise here that, although in the past a Senior Customs Officer had no power to do this as provided by this new Bill, I have had occasions to see that under the present Customs Act there is a provision to release vehicles seized in connection with an alleged offence and I must say that Customs Officers have been fairly reasonable in this respect. But, anyway, this power now being given to the Senior Customs Officers is a welcome measure.

Sir, with regard to the setting up of road-blocks, I have this observation to make. As has been stated by the last speaker just now, road-blocks if not properly set up by uniformed Customs Officers would give rise to many difficulties or it may even give rise to some danger, especially if the Customs Officers who set up the road-blocks are not in uniform I had an incident in my constituency a few months back where although it was a road-block but somehow or other it was not the Police who set up the road-block but it was the Security Officers. Now, sad to say, there are some people in this country who still do not know certain jungle uniforms worn by the Armed Forces so much so that in this incident it was at a very late hour of the night and the persons felt that it might be a trick or it might be the communists or the terrorists who were trying to set up a road-block and they did not stop and as a result, they were shot at but, fortunately, nothing happened and finally it was discovered that these were the Security Forces and the matter came to an end. This incident, I think, is very relevant to this particular new Section, i.e. the setting up of road-blocks.

With regard to this Section empowering senior officers of Customs to sell perishable items when they are seized, again I think this is the correct thing to do, because again I have known that under the existing law such perishable goods can only be auctioned off and in such a case the Customs have no alternative but to accept a price put up in a public auction and having attended many of these auctions, I know how these people can rig the bid. Therefore, the power here is very appropriate, However, I have also come across some instances where Government officers who have been given discretions tend to exercise those discretions arbitrarily or they sometimes are afraid to exercise their discretions. I hope that in cases where officers do not exercise their discretion or where they exercise their discretion arbitrarily the persons concerned from whom the goods were seized ought to have some other avenue to seek remedy. With these, Tuan Yang di-Pertua, I fully support the amendments introduced this afternoon.

*4.41 ptg.*

**Tuan Lee Boon Peng (Mantin):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang (Pindaan) Kastam. Saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, I would like to support the amendments put forward by the Honourable Deputy Minister of Finance. I would like to say that the amendments under Section 115 are, I believe, due to representations which I made in this honourable Chamber at the last sitting when I mentioned that there are about 100 Mercedes Benz vehicles which were still in the Customs compound in Seremban. I went there to have a look yesterday and they are still there. I hope that now when this amendment is passed, the Senior Officer of Customs will look into the matter because he can then act under Section 115 (1) (*a*) on the temporary return of movable property. At the last sitting of this honourable House, I mentioned that these vehicles were in the open yard subject to the vagaries of the weather and that the vehicles were in a stage of partial deterioration.

I would like to mention here that under sub-section (*b*), in the case of movable property, a Senior Customs Officer may return such movable property subject to security being given to the satisfaction of the Senior Customs Officer and that the amount to be secured would represent the open market value and the customs duties payable in

respect thereof and any tax payable in respect under any written law. In this case, this payment so secured shall be made once the Court orders the forfeiture of such amount under sub-section (1A) of section 127.

Now under the Customs Act, Section 127 provides for an appeal to the Minister once the vehicle is forfeited. But in this case, once there is an order for money, we hope that the Honourable Minister will look into whether the person whose vehicle is forfeited by order of the Court can make an appeal to the Minister if the new Section 115 (1) (*b*) is utilised by the Senior Customs Officer to secure monetary payments, because in this case, the vehicle would have been returned, and would the owner be able then to appeal to the Minister for consideration.

Sub-section (6) of Section 115 also says that no court shall have any jurisdiction to entertain any such action in respect of any act done or any decision taken by or on behalf of the Minister or by or on behalf of a senior officer of customs under this section. I hope that the Honourable Minister will also allow a person who is affected by this sub-section to be able to appeal to the Minister in respect of an act done by a Senior Officer of Customs because as has been stated by the Honourable Member for Sepang, the powers given to the officer under this amendment are very wide. We hope that in the due exercise of the powers under this amended section, the Senior Customs Officer shall exercise his power judiciously and that there will be no injustice to any aggrieved party.

I would like to endorse what the previous two speakers have said, Sir, with regard to a road-block because in these times of robberies and armed robberies I have heard of cases where a person is afraid to stop halfway to give lifts to people standing on the roadside. If the road-block is not fully identified or there is no means of showing to the public at large that this is a customs road-block, then misunderstanding may arise if a person who is afraid of being robbed or being kidnapped on the road were to rush along and he may get injured if the customs officers were to stop him or cause a log of wood to be placed in his approach. We hope that where there is a road-block proper precautions are taken and that persons who come along will know that this is a raod-block set up by the customs. I endorse the views expressed by the Honourable Member for Rengam that they should be in uniform always because any plainclothes customs officer could be mistaken for a kidnapper and robber.

I therefore fully support these amendments and trust, as soon as this Amendment is passed by this honourable House and by the Senate, that the Seremban customs authorities will look into the matter of the 100 Mercedes-Benz and other vehicles which have been seized under the Customs Act, although as mentioned by the Honourable Member for Rengam, there is a provision for customs officers to release goods on bond. Yet in Seremban, where proper application had been made, no release was made and with this new Amendment, the Seremban customs authorities should then be in a position to release such vehicles.

*4.48 ptg.*

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Ipoh, Sepang, Rengam dan Mantin oleh kerana mereka telah memberi teguran-teguran dan pandangan-pandangan yang membina atas cadangan saya supaya membuat beberapa pindaan kepada Akta Kastam ini.

Berkaitan dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Ipoh samada barang-barang yang telah dirampas oleh Kastam dan bila sudah diselesaikan kes itu dalam mahkamah dan barang itu dihukum diberi kepada Kerajaan. Biasanya barang-barang itu dilelong secara umum (public auction) dan biasanya juga notis-notis berkenaan dengan auction itu adalah disiarkan di dalam papan tanda dan gazette. Tetapi nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Rengam mengingatkan bahawa barangkali dengan secara lelong tidak berapa memuaskan oleh kerana jika sekiranya ada satu pakatan mereka boleh mendapat barang-barang itu dengan harga yang barangkali rendah. Atas pandangan itu saya akan mengkaji kemungkinan cara mana yang baik sekali patut diambil oleh pihak Kastam supaya barang-barang yang telah dirampas boleh dijual dengan harga yang berpatutan.

Ada juga beberapa teguran dan pandangan berkaitan dengan sekatan jalanraya (road-block). Perkara ini pun saya mengambil perhatian oleh kerana saya sendiri adalah

sedar bahawa jika sekiranya kuasa ini yang akan diberi kepada pihak Kastam disalahgunakan ataupun digunakan dengan cara tidak bijaksana boleh menimbulkan masaalah akibat yang tidak diingini, dan saya boleh berunding dengan pihak Polis dan pihak Pasukan Keselamatan supaya tindakan-tindakan yang akan diambil oleh pihak Kastam mengadakan sekatan jalanraya tidak mengakibatkan masaalah-masaalah yang tidak diingini. Ada juga pandangan wakil dari Ipoh yang menyatakan bahawa bila pihak Kastam menyimpan barang-barang mereka patut mengeluarkan satu nota ataupun butir-butir berkenaan dengan barang-barang yang telah dirampas. Di sini saya suka mengingatkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa dalam peruntukan yang baru Menteri Kewangan akan diberi kuasa untuk membuat peraturan-peraturan supaya kuasa-kuasa yang akan diberi kepada Kastam ini boleh dilaksanakan dengan sempurna, dan pandangan beliau saya menerima, melainkan saya hendak menerangkan kepada beliau bahawa jika sekiranya pandangan itu ialah semata-mata sebagai tuduhan ke atas Kastam Di Raja menyimpan barang-barang yang telah dirampas, tuduhan itu saya tolak balik.

Pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sepang, Rengam dan Mantin berkaitan dengan kuasa pencegahan di dalam Seksyen baru ini di mana barangkali keputusan yang diambil oleh Menteri ataupun Pegawai Kastam tidak boleh dikemukakan kepada mahkamah sekali lagi. Pandangan mereka ialah ini satu kuasa yang agak luas dan kurang sesuai dan Menteri saya akan sentiasa menjaga kuasa ini supaya sekiranya ada timbul masaalah ataupun perkara yang tidak nampak adil bolehlah kita mengkaji peruntukan ini supaya rakyat tidak menghadapi satu masaalah yang tidak adil.

Berkenaan dengan sijil-sijil yang akan dikeluarkan oleh pihak Kastam supaya sijil itu boleh menjadi bukti-bukti barang-barang yang telah dirampas itu juga jika sekiranya sijil itu mendatangkan satu akibat yang barangkali tidak adil kita akan menjaga peruntukan ini supaya rakyat tidak menghadapi masaalah kesukaran.

Berkaitan dengan samada Pegawai Kanan Kastam berasa takut ataupun segan hendak mengambil tindakan atas kuasa-kuasa yang baru yang akan diberi kepada mereka, sukacita juga saya mengingatkan lagi bahawa dalam peruntukan baru Menteri yang berkenaan ada kuasa untuk mengarahkan seorang Pegawai Kastam jika sekiranya didapati beliau tidak mengambil tindakan yang akan diberi kepadanya supaya di mana-mana kes yang berpatutan beliau patut memulangkan barang-barang kepada pemilik-pemilik sebelum kes itu didakwakan dan Ahli Yang Berhormat dari Mantin juga menerangkan kuasa Menteri jika sekiranya barang yang telah dirampas dan telah dijual samada rayuan boleh dikemukakan kepada Menteri ataupun tidak atas kes-kes seperti ini. Di sini saya hendak mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini bahawa dalam Seksyen 3 (2) Akta Kastam, 1967, saya bacakan dalam bahasa Inggeris.

"The Controller General shall be the Chief Officer of Customs and shall have the superintendence of all matters relating to customs subject to the direction and control of the Minister."

Ini bermakna adalah satu kuasa yang luas di dalam Akta ini di mana Menteri boleh ada kuasa supaya memberi arahan kepada pihak Kastam di atas apa-apa kes juga di bawah peruntukan Akta ini. Saya harap dengan penjelasan ini Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah memberi sokongan penuh ke atas cadangan pindaan ini dan saya sedar bahawa Ahli Yang Berhormat dari Mantin sentiasa berjumpa saya berkenaan dengan kereta-kereta yang dirampas di Seremban dan saya akan desak perkara itu sekali lagi sebaik-baik sahaja pindaan ini dipersetujukan di Dewan ini dan dalam Senate.

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 12* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali Yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG MATAWANG MALAYSIA (RINGGIT)

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

*4.59 ptg.*

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bertajuk "Suatu Akta untuk menukar nama yunit matawang Malaysia dan untuk memberi kepada perkara-perkara yang berkaitan dibacakan bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk memberikan pengiktirafan rasmi dan dari segi undang-undang kepada penggunaan perkataan "ringgit" dan "sen" bila menyebut yunit perkiraan matawang Malaysia. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedar, perkataan ini sentiasa digunakan oleh orang ramai dan keputusan dibuat telah tibalah masanya untuk menukar takrif di dalam Ordinan Bank Negara Malaysia. Oleh kerana perkataan "ringgit" dan "sen" juga disebut di dalam undang-undang lain, tindakan dikehendaki untuk menentukan semua penggunaan perkataan "dollar" dan "cent" akan bermakna "ringgit" dan "sen". Seksyen 3 Rang Undang-undang ini akan meminda Akta Tafsiran 1967.

Penukaran dari segi undang-undang untuk menetapkan praktik biasa, iaitu bersabit dengan penggunaan perkataan "ringgit" dan "sen" akan mengelokkan lagi image matawang kita yang tetap menjadi kukuh dan stabil.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

*5.01 ptg.*

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan yang telahpun menunjukkan sikap berani dengan menukarkan matawang kita dengan namanya yang asli iaitu "ringgit" daripada perkataan "dollar".

Saya masih ingat lagi pada mula-mulanya perkataan "ringgit" itu berlaku ada pihak-pihak yang berkenaan berasa ragu-ragu yang tindakan Yang Berhormat Menteri Kewangan menukarkan nama matawang kita daripada "dollar" kepada "ringgit" ada pihak-pihak yang mencebik-cebik dan memperkecil-kecilkan perkataan "ringgit" itu. Tetapi oleh kerana keberanian, kejujuran dan ketokohan yang telah ditunjukkan oleh banyak pihak yang berkenaan di negara kita, maka perkataan "ringgit" telahpun diterima oleh semua pihak bukan sahaja dalam negeri bahkan lebih-lebih lagi di luar negeri. Dan tidak syak lagi bahawa matawang yang dinamakan "ringgit" itu bukan sahaja kokoh, tetapi amat popular sekali dan di setengah-setengah negara matawang "ringgit" kita diterima penukarannya dengan tidak payah menggunakan travellers cheque dan sebagainya wang kita itu sendiri sanggup ditukar dengan matawang negara asing, ini membuktikan—menunjukkan bahawa betapa kuat dan betapa kokohnya matawang "ringgit" kita itu dan saya berdoa muga-muga matawang "ringgit" ini akan menjadi lebih kokoh dari satu masa ke satu masa. Dan saya harap juga sikap berani, sikap yang suka menggunakan keaslian yang timbul daripada negara kita ini akan dapat diterima sebagai contoh oleh semua pihak di negara Malaysia kita ini.

Kita harap sikap setengah-setengah pihak yang masih menunjukkan lagi inferiority complex mereka di setengah-setengah tempat akan mula lenyap dan saya berasa bangga bahawa sekurang-kurangnya satu Kementerian telahpun menurut langkah menggunakan kesenian, kebudayaan dan kebangsaan kita di dalam penggunaannya yang begitu penting sekali. Tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan.

*5.03 ptg.*

**Tuan Embong bin Yahya (Ledang):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Akta Pindaan Matawang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sebentar tadi, dan saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan khasnya Kementerian Kewangan yang telah memandang bukan sahaja untuk menjaga wang tetapi juga imej negara kita. Dengan itu perkataan "ringgit" dan "sen" dalam Bahasa Malaysia akan disebut-sebut oleh ahli-ahli ekonomi dan pakar ekonomi dunia ataupun bank

dunia dan lain-lain negara juga waktu menjalankan penukaran wang kita. Dan ini merupakan memperkokohkan lagi imej wang kita bukan sahaja dalam negeri tetapi juga di luar negeri. Sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini.

Dalam pada itu, saya suka hendak menarik perhatian iaitu dalam kita hendak mengemukakan imej wang kita di luar negeri haruslah juga Kementerian mengambil berat keadaan matawang kita, keadaan perjalanan pasaran wang kita di dalam negeri. Saya suka menarik perhatian selepas perpisahan kita dengan negeri Singapura bahawa Singapura ada matawangnya sendiri dan kita juga ada matawang kita sendiri.

Sepatutnya di antara dua buah negeri asing matawang negeri asing tidak laku di negara kita. Tetapi yang anihnya apa yang sedang berlaku sekarang bahawa matawang Singapura merebak di kedai-kedai kita dan di setengah-setengah tempat hampir mengatasi daripada matawang kita sendiri. Umpamanya di Johor Bahru. Daripada Johor Bahru merebak naik ke Batu Pahat, ke Pontian hingga ke Muar sekarang. Jadi tidak ada maknanya perpisahan wang kita dengan Singapura. Dan ada pula anasir-anasir yang tidak baik mempropagandakan nilai wang kita rendah dan murah terutama sekali duit syiling yang sewenang-wenangnya dipakai seolah-olah tidak ada perubahan antara matawang kita dengan Singapura. Ini patut Kerajaan kita membuat satu dasar seperti dengan wang-wang asing lain, matawang asing lain tidak akan boleh diperlakukan dalam negeri kita, kecuali dengan melalui penukaran wang iaitu melalui money changer seperti kita masuk ke negeri asing, kita kena tukar dengan wang negeri itu sendiri, baharu kita boleh berbelanja, tetapi ini berlaku sebaliknya.

Setengah-setengah pekedai negeri-negeri yang saya sebutkan tadi seperti di Selatan Malaysia mereka sembunyikan wang Malaysia, apabila kita membeli-belah dikeluarkan syiling dan wang kertas Singapura. Jadi seolah-olah menjadi satu alat hendak mempropagandakan wang asing dalam negeri kita sendiri. Sepatutnya kalau sekiranya "ringgit" Malaysia hendak bertambah kokoh mestilah diisytiharkan bahawa wang Singapura tidak boleh diperlakukan di kedai-kedai dalam negeri Malaysia. Kalau mereka masuk ke Malaysia, mestilah ditukar dengan money changer di sempadan causeway. Jadi dengan cara ini anak-anak Malaysia boleh jadi taukeh money changer di sempadan dan mereka boleh dapat kerja dan Kerajaan kenakan lesen di samping itu mendapat hasil seperti kita masuk ke negeri asing, sampai sahaja di Airport kita tukar wang kita dengan wang negeri itu sendiri. Ini saya harap Kerajaan akan mengambil tindakan yang tegas. Dan kalau tidak dikawal harus imej wang Singapura itu akan makin naik ke utara lepas sebuah negeri ke sebuah negeri lain sampai ke Melaka, Negeri Sembilan sehingga sampai ke Kuala Lumpur nanti. Apakah maknanya ini? Dan apa yang berlaku sekarang kalau kita pergi ke Johor, dikembalikan kepada kita dengan tak disedari wang kertas dan wang syiling Singapura. Apabila kita balik ke Kuala Lumpur wang itu tidak laku, jadi rugi pembeli-pembeli kita. Kita tidak sedar, sebab duit itu banyak. Apabila balik ke rumah baharu kita sedar bahawa pekedai tadi telah campurkan duit kertas itu dengan duit kertas Singapura terutama wang kertas seringgit dan duit syiling. Apabila dibawa balik ke Kuala Lumpur pekedai-pekedai di Kuala Lumpur tidak mahu terima wang itu. Jadi kalau kita tidak berbalik lagi ke Johor Bahru maknanya wang itu sampai bila pun tidak akan laku. Saya harap untuk menjaga imej "ringgit" dan "sen" Malaysia bukan sahaja di luar negeri, tetapi dalam negeri kita sendiri patutlah dibuat satu peraturan bahawa wang asing baik Singapura, mahupun negeri lain walaupun Singapura sebuah negeri asing, jiran rapat dengan kita wang tersebut tidak boleh diperlakukan dalam negeri kita sendiri, serupa juga macam kita bersempadan dengan Siam di Golok, dia boleh terima wang kita, tetapi apabila masuk ke Malaysia wang Siam tidak boleh digunakan di Rantau Panjang. Ini yang kita mahu. Ringgit kita boleh laku, tak mengapa. Mereka hendak sambut duit Malaysia.

Begitu juga kalau pergi ke Singapura kita boleh berbelanja dengan ringgit Malaysia, sebab ringgit Malaysia tinggi nilainya. Itu terpulang kepada negara mereka kalau hendak mengambil ringgit Malaysia. Tetapi apabila datang ke Malaysia ringgit asing tidak akan boleh diperlakukan. Ini saya harap pihak Kementerian Kewangan dan Menterinya memikirkan dalam hal hendak menjaga ini, bukan sahaja tukar bahasa daripada dollar kepada ringgit, daripada cent kepada sen

tetapi juga menjaga imej wang kita yang dibelanja hari-hari dalam negeri kita daripada diperlemahkan oleh matawang asing.

*5.11 ptg.*

**Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor):** Tuan Yang di-Pertua, saya turut mengalu-alukan Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan iaitu menukar takrif "dollar" kepada "ringgit". Apa yang suka saya membuat teguran-teguran ialah kalau di United Kingdom ringgitnya mempunyai tanda "L" palang dua (£) dan di negeri Jepun "Y" dipalang dua (Y). Oleh kerana panggilan dan takrif wang kita telah tukar daripada "dollar" kepada "ringgit" tentu barangkali ada masanya kita juga hendak mempopularkan tanda kita sendiri. Kita tidak hendak lagi memakai tanda "S" dua palang ($) boleh jadi kita hendak pakai "R" palang dua (R).

Saya tidak tahu asal-usul bagaimana maka dollar atau ringgit ini mempunyai ataupun digunakan "S" pangkah dua ($) tetapi saya berpendapat bahawa kalau hendak ditukarkan hendaklah ditukar bukan sahaja atas takrif dan panggilannya, tetapi juga rupa bentuknya. Jadi, saya berharap pada masa akan datang, kalau pada masa sekarang hendak ditukar boleh jadi menelan belanja yang banyak membuat wang kertas ini, tetapi janganlah lupa pada masa yang akan datang supaya perkara ini dapat dalam perhatian Kementerian yang berkenaan.

*5.13 ptg.*

**Tuan Chin Hon Ngian (Rengam):** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Akta baru ini tetapi saya ada satu dua pandangan dan saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, this new Bill is most welcome at this particular juncture. However, besides changing "dollar" to "ringgit", and "cent" to "sen", I suggest—I am a person living in Johore Bahru and people there face many difficulties—that perhaps as from this juncture we should consider having a currency which will look different from that of Singapore currency. At the present moment our ten dollar, five dollar and one dollar notes and our coins are almost similar, especially in colour, to that of Singapore. Now, if we can have a ten dollar note of a different colour or a different size, then we will not so easily overlook it, because each time we go to a shop in Johore Bahru itself and we give ten dollar notes in our Malaysian currency, the Singapore's one dollar notes or the five dollar notes that we get back, are almost similar to ours in colour, and if we do not pay attention to it, then we might accept Singapore currency. Now, if we have different colours for ten dollar, five dollar and one dollar notes then perhaps a lot of difficulties will be overcome.

One more thing about the coins. Sometimes when we come up from Johore Bahru to Kuala Lumpur, we may have got Singapore coins in our pockets. In Kuala Lumpur, I had experienced one very unfortunate incident where I gave a jaga kereta a 20-cent coin; he looked at it and said it was a Singapore coin and he just threw it away. "Tak boleh dipakai", he said. Now this is a very embarrassing situation. I hope perhaps our Malaysian coins can be of different sizes or different shapes, because Malaysia and Singapore are now two separate independent sovereign nations. To avoid such incidents, I think this Act should be a forerunner of those things to come.

*5.15 ptg.*

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sepang yang telah menyokong penuh pindaan ini dan saya harap dengan ini perkataan ringgit bukan sahaja boleh diterima dalam negeri ini bahkan juga di luar negeri. Kerajaan akan berhubung dengan Pertubuhan Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund) dan juga Bank Dunia atas pertukaran ini dan perkataan ringgit dan sen akan digunakan oleh I.M.F. Dengan itu, semua negara yang menjadi ahli dalam I.M.F. bolehlah mendapat tahu tentang pertukaran perkataan wang kita.

Saya juga mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Ledang tentang masaalah adanya matawang Singapura di Johor Bahru khasnya. Ini ialah satu masaalah sempadan oleh kerana Kementerian saya dan Bank Negara Malaysia telah mendapat tahu bahawa ada

juga beberapa orang yang datang dari Singapura yang membeli-belah di Johor Bahru, khasnya untuk membeli sayur-sayuran dan sebagainya dan mereka itu menggunakan matawang Singapura. Sebenarnya, kita ada undang-undang yang mengatakan bahawa matawang Malaysia sahaja yang menjadi "legal tender" ataupun matawang yang sah dalam negeri ini dan wang kertas ringgit Singapura patut di anggap sebagai kertas wang asing dan patut dipulangkan kepada sesiapa yang menggunakan wang itu untuk membeli barang. Jikalau si penerima menerima wang itu kita tidaklah boleh buat apa-apa, melainkan memberi nasihat kepada mereka supaya janganlah terima wang Singapura. Jika saya boleh beri satu contoh tidak seorang pun di sini yang tidak suka ataupun tidak setuju menerima wang lain, umpamanya rupiah ataupun baht tetapi oleh kerana Singapura dan Johor Bahru adalah kawasan sempadan bagi mereka yang berulang-alik, barangkali mereka anggapkan bolehlah kita terima wang Singapura juga. Sepatutnya ini wang asing dan bukan tidak boleh dijadikan "legal tender" di sini. Masaalah ini adalah dalam pengetahuan Kementerian Kewangan dan juga Bank Negara dan saya sekali lagi akan mengkaji masaalah ini supaya tidaklah dapat wang kertas Singapura itu digunakan di dalam Malaysia.

Ada satu cadangan yang baik yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor dan Rengam tentang bentuk wang kita. Kerajaan sentiasa mengubah design dan corak wang ini dan boleh jadi tanda "S" barangkali yang akan datang akan ditukar kepada "R"kah atau lain-lain kita akan kaji. Berkenaan dengan warna dan saiz wang kertas dan syiling ini adalah satu cadangan yang baik daripada Ahli Yang Berhormat dari Rengam dan kita akan mengkaji dan jikalau didapati sesuai kita boleh ubah corak wang kita.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebgai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 3* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA TEMBAKAU NEGARA (PERBADANAN) (PINDAAN)

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

*5.20 ptg.*

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Suatu Akta bagi meminda Akta Lembaga Tembakau Negara (Perbadanan), 1973 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membentangkan Rang Undang-undang Lembaga Tembakau Negara (Perbadanan) (Pindaan), 1975 untuk bacaan kali yang kedua dan diluluskan oleh Dewan ini bagi meminda Akta Lembaga Tembakau Negara (Perbadanan), 1973. Pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah berkaitan dengan keahlian Lembaga, penghapusan Majlis Penasihat dan pembayaran elaun-elaun mesyuarat kepada ahli-ahli giliran Lembaga.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Tembakau Negara telah ditubuhkan dalam bulan Ogos, 1973 untuk mengawasi amalan-amalan berkaitan dengan pengeluaran, pengawitan dan penjualan tembakau dan untuk menjamin perkembangan yang teratur dalam perusahaan tembakau. Kawalan atas perusahaan ini adalah perlu kerana ia menanggung tidak kurang dari 200,000 orang dari segi pekerjaan dan pendapatan, dan luas kawasan yang ditanam dengan tembakau sedang lagi bertambah. Walaupun penanaman tembakau ini bermula semenjak awal tahun 1960 di Kelantan, hanya pada tahun 1972 sahaja kawasan yang ditanam dengan tembakau bertambah dengan pesatnya, hinggalah kawasan-kawasannya telah meluas ke negeri-negeri lain seperti Trengganu, Kedah, Perlis, Pahang, Negri Sembilan, Melaka dan juga Johor. Pada tahun ini kira-kira 30,000 ekar di Semenanjung Malaysia telah ditanam dengan tembakau. Ini adalah tambahan sebanyak 10,000 ekar atau 30% daripada tahun 1973 ketika Lembaga Tembakau Negara mula-mula ditubuhkan.

Semenjak Lembaga Tembakau Negara ditubuhkan, segala aspek perusahaan tembakau yang saya sebutkan itu telah dapat dikawal dengan memuaskan. Akan tetapi beberapa aspek dalam Akta tersebut didapati tidak begitu memuaskan. Pindaan-pindaan utama yang dicadangkan di dalam Akta Lembaga Tembakau Negara (Pindaan) 1973 adalah seperti berikut:

Pertama: Pindaan kepada Seksyen 4 (1) dalam Akta dibuat supaya perwakilan bagi kedua-dua pihak pengilang-pengilang rokok dan pengawit-pengawit ditambah dari seorang kepada 2 orang wakil dan untuk menyerapkan wakil Lembaga Pertubuhan Peladang ke dalam perwakilan tetap dan juga untuk menjadikan Pengarah Lembaga sebagai ahli dalam Lembaga Tembakau Negara;

Kedua: Seksyen 5 (1) dalam Akta dipinda supaya ahli-ahli giliran boleh dilantik bagi kedua-dua pihak Kerajaan dan pihak swasta dan untuk membolehkan elaun-elaun mesyuarat dibayar kepada ahli-ahli giliran yang menghadiri mesyuarat mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Lembaga;

Ketiga: Seksyen 12 dalam Akta dipinda dengan tujuan menghapuskan Majlis Penasihat.

Pada masa sekarang ini keahlian Lembaga Tembakau Negara yang dilantik di bawah Seksyen 4 (1) adalah terdiri daripada 5 orang wakil bagi Jabatan-jabatan Kerajaan dan 3 orang dari pihak swasta yang mewakili kepentingan pengilang-pengilang rokok, pengawit-pengawit dan penanam-penanam. Pengilang-pengilang rokok yang berjumlah 6 buah Syarikat kesemuanya pada masa ini diwakili oleh seorang wakil sahaja. Adalah didapati bahawa kepentingan semua Syarikat-syarikat Rokok itu tidak dapat dijaga oleh seorang wakil sahaja kerana Syarikat-syarikat Rokok mempunyai polisi-polisi perniagaan yang berlainan dan oleh itu pembelian tembakau dari segi quantiti dan mutu adalah berlainan. Oleh hal yang demikian, adalah perlu bahawa perwakilan bagi pengilang-pengilang rokok ditambahkan dan saya mencadangkan supaya Seksyen 4 dipinda untuk membolehkan perwakilan tetap bagi pengilang-pengilang rokok di dalam Lembaga ditambah kepada 2 orang wakil. Berikutan dengan pindaan tersebut, perwakilan tetap bagi pengawit-pengawit juga hendaklah ditambahkan kepada 2 orang wakil supaya seimbang dengan bilangan wakil pengilang-pengilang rokok. Pada masa sekarang Lembaga Pertubuhan Peladang adalah diwakili dalam Lembaga di bawah Seksyen 4 (2) yang bermakna bahawa perwakilan tersebut adalah perwakilan yang tidak tetap. Adalah didapati juga bahawa peranan Lembaga Pertubuhan Peladang dalam perusahaan tembakau kian hari kian bertambah penting terutamanya di dalam menggalakkan penyertaan persatuan-persatuan peladang di dalam pengurusan, pengeluaran dan pemasaran tembakau. Oleh yang demikian, adalah difikirkan penting bahawa Lembaga Pertubuhan Peladang patut diserapkan di dalam Perwakilan Tetap Lembaga. Dengan yang demikian wakil penanam juga menjadi 2 orang. Adalah dicadangkan juga bahawa Pengarah Lembaga dijadikan Ahli Lembaga supaya beliau dapat menyertai di dalam mesyuarat dan keputusan-keputusan Lembaga.

Pindaan kepada Seksyen 5 (1) bertujuan supaya ahli-ahli giliran juga boleh dilantik bagi wakil-wakil dalam pihak swasta. Mengikut Seksyen 5 (1) Akta Lembaga Tembakau Negara (Perbadanan) 1973, Menteri hanya mempunyai kuasa melantik ahli-ahli giliran bagi wakil-wakil Jabatan Kerajaan sahaja tetapi perlantikan yang sama tidak boleh dibuat untuk wakil-wakil bagi pengilang-pengilang rokok, pengawit-pengawit dan penanam-penanam. Ketiga-tiga pihak ini telah merayu supaya wakil giliran dilantik bagi wakil-wakil dari pihak swasta supaya peraturan boleh dibuat untuk mendapatkan kehadiran wakil-wakil giliran sekiranya ahli sebenar tidak dapat hadir. Oleh itu Seksyen 5 (1) dipinda untuk membolehkan ahli-ahli giliran dilantik bagi semua wakil. Pindaan itu akan juga membenarkan elaun-elaun mesyuarat dibayar kepada ahli-ahli giliran yang menghadiri mesyuarat mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Lembaga.

Pindaan terakhir ialah untuk menghapuskan Majlis Penasihat Tembakau. Mengikut Seksyen 12 Akta, suatu Majlis Penasihat yang kewajipannya ialah untuk menasihatkan Menteri mengenai perusahaan tembakau

telah ditubuhkan. Saya mencadangkan supaya Seksyen 12 tersebut dimansuhkan. Pengalaman telah menunjukkan bahawa Majlis Penasihat adalah "redundant" dan kesemua masaalah-masaalah yang dihadapi oleh Lembaga telah dapat diselesaikan di-peringkat Lembaga dan Menteri. Tambahan pula perwakilan Lembaga adalah lebih kurang sama dengan perwakilan di dalam Majlis Penasihat melainkan bagi wakil FAMA dan Kerajaan-kerajaan Negeri. Di dalam pentadbirannya sehari-hari Lembaga telah sentiasa menghubungi kedua-dua pihak tersebut dan nasihat yang telah diperolehi dengan cara-cara ini didapati amat memuaskan.

Pindaan-pindaan yang lain dalam Rang Undang-undang adalah pindaan-pindaan berbangkit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

*5.38 ptg.*

